



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SEMBILAN SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SEMBILAN SIRI 2



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
	MAJLIS PERBANDARAN NILAI
	YAYASAN NEGERI SEMBILAN
	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN
3	Pengurusan Papan Iklan Luar
	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
	JABATAN KERJA RAYA
24	Pengurusan Projek Pembinaan Dan Pembelaian Sekolah Agama
	MAJLIS DAERAH JEMPOL
	MAJLIS DAERAH TAMPIN
36	Pengurusan Perolehan
	YAYASAN NEGERI SEMBILAN
45	Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd.
65	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/ Syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 5 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan intergriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. **MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**
MAJLIS PERBANDARAN NILAI
YAYASAN NEGERI SEMBILAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN
- Pengurusan Papan Iklan Luar

1.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 31 Mei 2011 telah meluluskan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) sebagai One-Stop Agency (OSA) dan agensi pelaksana bagi urusan papan iklan luar di Negeri Sembilan. Justeru, urusan papan iklan luar sedia ada dari kategori *free-standing billboard* dan *unipole* milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diserahkan kepada YNS. Pada Ogos 2011, YNS telah melantik Semarak Media Sdn. Bhd. (SMSB) sebagai operator bagi menguruskan papan iklan luar untuk tempoh 20 tahun. Bermula tahun 2012, pembinaan papan iklan luar baru oleh YNS dilaksanakan di atas tanah dan rizab Kerajaan dan tidak melibatkan tanah persendirian. Urusan pembinaan dan pemasangan papan iklan luar di bawah YNS ini dibuat berdasarkan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (GPPI) oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia. Bagi papan iklan luar milik PBT, ia akan dilaksanakan berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan MPS 1980 dan Undang-undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan 1992 (Pindaan 1996).

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2016 mendapati pengurusan papan iklan luar di tanah dan rizab Kerajaan adalah memuaskan. Pengurusan deposit lesen iklan, penyenggaraan papan iklan dan perlindungan polisi insurans papan iklan pula adalah baik. Kelemahan yang dibangkitkan memerlukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti:

- Proses meluluskan permohonan Lesen Iklan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Lesen Iklan Jejantas/Jejambat dikeluarkan tanpa kelulusan Kementerian Kerja Raya.
- Papan Iklan dibina tanpa kelulusan Lesen Pendudukan Sementara dan Permit Menggunakan Ruang Udara.
- Aktiviti penguatkuasaan Papan Iklan Luar tidak menyeluruh.
- Hasil diterima melalui pelantikan wakil pelaksana One-Stop Agency (OSA) tidak mencapai keuntungan seperti yang diunjurkan.
- Ruang papan iklan luar yang diberikan kepada Kerajaan Negeri tidak dimanfaatkan.

1.3. Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan papan iklan luar di tanah dan rizab Kerajaan Negeri Sembilan, adalah disyorkan Yayasan Negeri Sembilan (YNS), Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (PDT Seremban) mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. MPS dan MPN menjalankan penguatkuasaan berkala terhadap papan iklan luar termasuklah daripada jenis *billboard/unipole* bagi memastikan semua struktur papan iklan luar dibina dengan kebenaran, memperoleh kelulusan pihak berkenaan, mempunyai lesen yang masih dalam tempoh dan paparan visual mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

1.3.2. PDT Seremban hendaklah mengambil langkah proaktif untuk memproses permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan Permit Mengguna Ruang Udara (PMRU) mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan agar dapat membantu meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

1.3.3. YNS selaku One-Stop Agency (OSA) perlu membuat hebahan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan di Negeri Sembilan untuk mempromosikan aktiviti/program/kempen Jabatan/Agensi Kerajaan terlibat bagi memanfaatkan 17 papan iklan luar yang telah diberikan secara percuma kepada Kerajaan Negeri.

2. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

JABATAN KERJA RAYA

- Pengurusan Projek Pembinaan Dan Pembaikan Sekolah Agama

2.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) di bawah Unit Pembangunan adalah bertanggungjawab terhadap projek pembinaan, ubahsuai, naiktaraf, pemberian dan penyenggaraan (Projek) di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Bagi kerja yang melibatkan pembinaan bangunan Kerajaan yang memerlukan kepakaran teknikal, Agensi Pelaksana adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS). JHEAINS bertanggungjawab melaksanakan Projek bagi 3 buah SMAN dan 16 buah SABK. Projek yang dilaksanakan di SMAN dan SABK sebelum tahun 2015 dibiayai menggunakan peruntukan pembangunan P63. Mulai 10 September 2015, semua projek yang dilaksanakan di SABK dibiayai menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan lain-lain peruntukan melalui Akaun Amanah SABK. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 114 projek pembinaan dan pemberian berjumlah RM10.77 juta telah dilaksanakan oleh JHEAINS dan JKRNS masing-masing berjumlah RM6.32 juta dan RM4.45 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati prestasi projek pembinaan sekolah agama bagi tahun 2013 hingga 2015 oleh JKRNS adalah memuaskan di mana 6 daripada 11 atau 54.5% telah dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Manakala prestasi projek pemberian oleh JHEAINS bagi tempoh yang sama adalah sangat baik di mana 100% kerja pemberian dapat disiapkan

mengikut jadual. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek yang ditemui yang memerlukan perhatian oleh JHEAINS dan JKRNS bagi mengelakkan kelemahan ini berulang seperti berikut:

- Tindakan penamatan kontrak lewat bagi projek berstatus lewat jadual.
- Kerja tidak mengikut spesifikasi piawaian umum.
- Pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan.
- Projek siap tidak digunakan.
- Kelemahan dalam prosedur perolehan.

2.3. Bagi menambah baik pelaksanaan projek pembinaan dan pembalikan sekolah agama, adalah disyorkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS) mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Meningkatkan kualiti pemantauan kerja dan menyediakan laporan pemantauan tapak bagi mengelakkan berlakunya kelewatan. Pegawai juga perlu memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi piawaian umum yang ditetapkan. Pengurusan sistem aduan dan pemantauan perlu ditambah baik bagi kerja-kerja yang masih dalam tempoh kecacatan.

2.3.2. Memastikan kerja pengukuran semula dijalankan dengan teliti bagi mengelakkan berlakunya lebihan pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Perancangan yang teliti dibuat terlebih dahulu bagi memastikan kerja-kerja pemberian dilaksanakan mengikut objektif ditetapkan dan mengelakkan berlakunya pembaziran.

3. MAJLIS DAERAH JEMPOL

MAJLIS DAERAH TAMPIN

- Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Daerah Jempol (MDJL) dan Majlis Daerah Tampin (MDT) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara matlamat utama PBT adalah menyedia dan menyenggara kemudahan dan infrastruktur awam serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif ini, MDJL dan MDT antaranya perlu melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja sama ada menggunakan kaedah secara pembelian terus, sebut harga, dan tender dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan peruntukan Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS). Tatacara Perolehan PBT adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan

Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013 hingga 2015, MDJL dan MDT telah melaksanakan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM55.74 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 318 perolehan berjumlah RM39.18 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga. Manakala sebanyak 4,838 perolehan berjumlah RM10.07 juta dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus serta 3 perolehan dilaksanakan melalui kaedah tender berjumlah RM6.49 juta.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan di kedua-dua Majlis adalah baik di mana 97% perolehan di MDJL dan 93.4% perolehan di MDT telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan seperti telah membuat kajian pasaran dalam perolehan, jawatankuasa sebut harga diwujudkan dan perolehan dibuat oleh pegawai yang telah diberi kuasa secara bertulis. Selain itu, 100% pelaksanaan projek yang disemak bagi tempoh 2013 hingga 2015 berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti:

- Perbelanjaan melebihi peruntukan perolehan yang dirancang.
- Perolehan sebut harga dibuat secara pecah kecil.
- Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) lewat dikeluarkan.
- Tiada bukti semakan Penasihat Undang-Undang (PUU) terhadap kontrak formal bagi perkhidmatan bermasa.
- Tiada perjanjian disediakan untuk melantik Operator Pengelola bagi menguruskan projek.

3.3. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Majlis Daerah Jempol (MDJL) dan Majlis Daerah Tampin (MDT) mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Memastikan peraturan berkaitan tatacara perolehan dipatuhi termasuk mengelakkan berlaku pecah kecil. Semua prosedur kelulusan diperoleh daripada pihak berkuasa melulus seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan, undang-undang dan akta.

3.3.2. Kontrak formal yang mengandungi terma kontrak yang lengkap disediakan bagi membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan sekiranya berlaku pelanggaran terma kontrak, tuntutan mahkamah oleh pihak luar seterusnya menjamin kepentingan Kerajaan dilindungi sepenuhnya.

4. YAYASAN NEGERI SEMBILAN

- Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd.

4.1. Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS) yang dahulunya dikenali sebagai Ganda Akademik Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM3.6 juta. KAYNS ditubuhkan pada 22 Julai 1993 dan mempunyai tiga Institut Latihan Kemahiran yang mendapat pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS), Institut Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (IPPNS) dan Institut Pengurusan Dan Perindustrian Yayasan Negeri Sembilan (IPPYNS). ITYNS beroperasi pada tahun 1997 setelah pengambilalihan Negri Agro Industrial Training Complex (NAITC) manakala IPPNS serta IPPYNS beroperasi masing-masing pada tahun 2008 dan 2013. Antara objektif penubuhan KAYNS adalah menyediakan sistem pembelajaran berdasarkan kemahiran dalam pelbagai bidang mengikut piawaian Jabatan Pembangunan Kemahiran dan memberi latihan kemahiran bagi melahirkan modal insan berinovatif serta berdaya saing. KAYNS menawarkan 20 program pengajian peringkat Sijil dalam pelbagai bidang kemahiran terbuka kepada pelajar lepasan PMR, SPM/SPMV, pemegang Sijil, Diploma dan Ijazah serta belia/beliawanis.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2016 mendapati kedudukan kewangan KAYNS adalah baik berdasarkan prestasi keuntungan terkumpul yang meningkat pada setiap tahun di mana kedudukan keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2015 adalah RM4.42 juta. Prestasi pelaksanaan pengurusan kewangan syarikat juga adalah baik. Manakala, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masing-masing adalah memuaskan. Pengambilan pelajar sebenar tidak mencapai sasaran ditetapkan, tiada perjanjian disediakan kepada pelajar dan peningkatan tunggakan bayaran sewa. Dari sudut tadbir urus korporat pula, Mesyuarat Agung Tahunan perlu diadakan sekali setiap tahun serta memuktamadkan draf dokumen Rancangan Strategik dan *Key Performance Indicator* (KPI).

4.3. Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, adalah disyorkan syarikat Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS) mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Menyediakan perjanjian yang akan dimeterai antara pelajar dan KAYNS bagi mengikat pelajar agar komited untuk membayar yuran. Usaha perlu digiatkan bagi meningkatkan hasil supaya matlamat penubuhan KAYNS dapat dicapai.

4.3.2. Mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan tadbir urus korporat dengan memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
MAJLIS PERBANDARAN NILAI
YAYASAN NEGERI SEMBILAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN

1. PENGURUSAN PAPAN IKLAN LUAR

1.1. LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 31 Mei 2011 telah meluluskan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) sebagai One-Stop Agency (OSA) dan agensi pelaksana bagi urusan papan iklan luar di Negeri Sembilan. Justeru, urusan papan iklan luar sedia ada dari kategori *free-standing billboard* dan *unipole* milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diserahkan kepada YNS. Pada Ogos 2011, YNS telah melantik Semarak Media Sdn. Bhd. (SMSB) sebagai operator bagi menguruskan papan iklan luar untuk tempoh 20 tahun. Bermula tahun 2012, pembinaan papan iklan luar baru oleh YNS dilaksanakan di atas tanah dan rizab Kerajaan dan tidak melibatkan tanah persendirian. Urusan pembinaan dan pemasangan papan iklan luar di bawah YNS ini dibuat berdasarkan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (GPPI) oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia. Bagi papan iklan luar milik PBT, ia akan dilaksanakan berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan MPS 1980 dan Undang-undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan 1992 (Pindaan 1996).

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan papan iklan luar telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan papan iklan luar di tanah dan rizab Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 di bawah pengurusan Yayasan Negeri Sembilan (YNS), Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (PDT Seremban). Bagaimanapun, rekod bagi tahun sebelum 2013 akan diaudit untuk mendapatkan kronologi penswastaan agensi pelaksana papan iklan luar di Negeri Sembilan. Pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod yang diselenggara oleh Jabatan/Bahagian yang terlibat di sekitar daerah Seremban dan Nilai. Selain itu, lawatan ke lokasi papan iklan luar yang dipilih serta temubual dengan pihak yang terlibat juga dijalankan bagi mendapat gambaran jelas mengenai pengurusan papan iklan luar. *Exit Conference* bersama Yang

DiPertua MPS dan MPN, Pengarah YNS dan wakil PDT Seremban telah diadakan pada 20 Julai 2016.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2016 mendapati pengurusan papan iklan luar di tanah dan rizab Kerajaan adalah memuaskan. Pengurusan deposit lesen iklan, penyenggaraan papan iklan dan perlindungan polisi insurans papan iklan pula adalah baik. Kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut memerlukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti berikut:

- Proses meluluskan permohonan Lesen Iklan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Lesen Iklan Jejantas/Jejambat dikeluarkan tanpa kelulusan Kementerian Kerja Raya.
- Papan Iklan dibina tanpa kelulusan Lesen Pendudukan Sementara dan Permit Menggunakan Ruang Udara.
- Aktiviti penguatkuasaan Papan Iklan Luar tidak menyeluruh.
- Hasil diterima melalui pelantikan wakil pelaksana One-Stop Agency (OSA) tidak mencapai keuntungan seperti yang diunjurkan.
- Ruang Papan Iklan Luar yang diberikan kepada Kerajaan Negeri tidak dimanfaatkan.

1.4.1. Prestasi Pengurusan Papan Iklan Luar

1.4.1.1. Pengagihan tanggungjawab pengurusan bagi 15 jenis papan iklan luar telah diputuskan oleh MMKN pada 10 Ogos 2011. YNS dipertanggungjawab untuk menguruskan 7 jenis papan iklan luar iaitu *free-standing billboard* termasuk *unipole*, iklan mekanikal *scrolling*, iklan elektronik (LED dan *E-Bunting*), *spectacular gantry*, *projecting sign*, *pillar/column wrap* dan iklan mekanikal *trivision*. YNS seterusnya melantik SMSB sebagai wakil pelaksana pengurusan papan iklan luar bagi tempoh konsesi selama 20 tahun. PBT pula bertanggungjawab menguruskan 8 jenis papan iklan luar iaitu iklan bergerak, iklan pagar, iklan perabot jalan, iklan kain rentang, iklan bumbung, *building wrap*, iklan jejambat/jejantas dan iklan dinding.

1.4.1.2. Papan Iklan Luar Yang Diuruskan Oleh PBT

- a. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 1,777 permohonan pembinaan papan iklan luar yang diterima oleh PBT di kawasan MPS dan MPN yang melibatkan 5 jenis papan iklan luar seperti di **Jadual 1.1**. Bagi permohonan yang tidak memenuhi spesifikasi, pihak PBT akan memulangkan permohonan tersebut dan pihak pemohon diminta mengemukakan permohonan baru setelah tindakan pembetulan/penambahbaikan dibuat. Keadaan ini menyebabkan tiada permohonan yang akan ditolak kerana permohonan yang lengkap sahaja diproses oleh PBT.

Jadual 1.1
Bilangan Permohonan Pembinaan Papan Iklan Luar Yang Diuruskan
Oleh PBT Mengikut Jenis Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Iklan Pagar (Unit)	Iklan Kain Rentang (Unit)	Iklan Bumbung (Unit)	Iklan Jejambat/ Jejantas (Unit)	Iklan Dinding (Unit)	Jumlah (Unit)
MPS						
2013	0	116	1	0	1	118
2014	1	139	1	11	0	152
2015	1	102	5	1	0	109
Jumlah	2	357	7	12	1	379
MPN						
2013	0	500	0	0	0	500
2014	0	503	0	0	0	503
2015	0	393	0	2	0	395
Jumlah	0	1,396	0	2	0	1,398
Jumlah Keseluruhan	2	1,753	7	14	1	1,777

Sumber: MPS dan MPN

- b. Berdasarkan **Jadual 1.1**, sebanyak 379 permohonan pembinaan papan iklan luar telah diluluskan di kawasan MPS dan sebanyak 1,398 permohonan telah diluluskan di kawasan MPN. Iklan kain rentang merupakan jenis iklan yang paling banyak diluluskan iaitu sebanyak 1,753 (98.7%) daripada jumlah keseluruhan iklan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

1.4.1.3. Papan Iklan Luar Yang Diuruskan Oleh YNS

- a. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 361 permohonan pembinaan papan iklan luar yang diuruskan oleh YNS telah diluluskan di kawasan MPS dan MPN. Permohonan tersebut melibatkan 3 jenis papan iklan luar seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Bilangan Permohonan Pembinaan Papan Iklan Luar Yang Diuruskan Oleh YNS
Mengikut Jenis Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	LED (Unit)	Iklan <i>Billboard/Unipole</i> (Unit)	E-Bunting (Unit)	Jumlah (Unit)
MPS				
2013	1	122	0	123
2014	0	18	0	18
2015	0	2	85	87
Jumlah	1	142	85	228
MPN				
2013	0	47	0	47
2014	0	42	0	42
2015	0	32	12	44
Jumlah	0	121	12	133
Jumlah Keseluruhan	1	263	97	361

Sumber: MPS dan MPN

- b. Berdasarkan **Jadual 1.2**, sebanyak 228 permohonan pembinaan papan iklan luar telah diluluskan di kawasan MPS dan 133 permohonan diluluskan di kawasan MPN. Iklan *unipole/billboard* merupakan iklan yang paling banyak diluluskan iaitu sebanyak 263 (72.9%) daripada 361 permohonan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.
- c. Lawatan Audit pada 16,17,19 Mei dan 3 Jun 2016 terhadap 33 sampel papan iklan *billboard/unipole* yang dibina di tanah dan rizab Kerajaan untuk kawasan Seremban dan Nilai bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapat sebanyak 5 (15.2%) papan iklan *billboard/unipole* kosong tanpa visual seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Senarai Papan Iklan *Billboard/Unipole* Yang Kosong

Bil	PBT	No. Tapak	Lokasi
1	MPN	NPO90	KM281.2 Lebuhraya PLUS arah Utara
2	MPN	NP083	KM281.1 Lebuhraya PLUS arah Utara
3	MPN	NP103	Jalan Persiaran Utama (Berhampiran Giant)
4	MPN	NP102	Jalan Persiaran Utama (Berhampiran Giant)
5	MPN	NP096	Bulatan Persiaran Negeri BBN/Persiaran Utama BBN Menghala Trafik ke Sepang

Sumber: MPN

- d. **Mengikut maklum balas YNS bertarikh 27 Julai 2016, semua papan iklan yang kosong telah dipasang visual yang baru bermula 2 Julai 2016, kecuali bagi nombor tapak NP102 yang masih belum dibina kerana lokasi tapak dihalang oleh pokok besar.**

1.4.1.4. Pengeluaran Lesen Iklan

- a. Permohonan lesen iklan perlu dikemukakan kepada PBT bagi membolehkan sesuatu papan iklan luar dibina dan dipamerkan dengan bayaran proses sejumlah RM100 bagi setiap permohonan. Undang-undang Kecil Iklan PBT pula mensyaratkan setiap permohonan tersebut disertakan pengesahan pelan struktur oleh arkitek/jurutera berdaftar. Kadar bayaran lesen iklan bagi seunit papan iklan *billboard/unipole* yang dibina di tanah dan rizab Kerajaan adalah RM2,480 di kawasan MPS dan RM1,620 di kawasan MPN. Kadar bayaran ini telah mendapat persetujuan MMKN melalui Kertas MMKN No. 1939/2012 yang meliputi bayaran lesen iklan, mesin rumput, cukai taksiran dan pelekat lesen bagi kawasan MPS manakala bagi kawasan MPN tiada caj bayaran pelekat lesen dan bayaran mesin rumput.. Kadar yang ditetapkan ini hanyalah untuk papan iklan jenis *billboard/unipole* milik YNS yang mana dibina dan dipamer di tanah dan rizab Kerajaan sahaja.
- b. Semakan Audit mendapat sebanyak 301 permohonan lesen iklan *billboard/unipole* diterima bagi tahun 2013 hingga 2015 dan kesemuanya telah diluluskan dan dikeluarkan lesen seperti di **Jadual 1.4**. Sebanyak 217 (72.1%) adalah melibatkan

papan iklan luar milik YNS dan 84 (27.9%) milik syarikat swasta (SW). Selain itu, terdapat 17 unit papan iklan luar jenis *billboard/unipole* milik Kerajaan Negeri yang dikecualikan lesen iklan kerana visual yang dipamerkan tidak bermotifkan komersial.

Jadual 1.4
Bilangan Lesen Iklan *Billboard/Unipole* Di Negeri Sembilan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Daerah	2013 (Unit)			2014 (Unit)			2015 (Unit)			Jumlah (Unit)		
		YNS	SW	KN	YNS	SW	KN	YNS	SW	KN	YNS	SW	KN
1	Seremban	122	0	0	18	0	0	2	0	6	142	0	6
2	Nilai	21	26	0	15	27	0	1	31	2	37	84	2
3	Port Dickson	3	0	0	12	0	0	2	0	4	17	0	4
4	Kuala Pilah	0	0	0	4	0	0	0	0	0	4	0	0
5	Rembau	4	0	0	1	0	0	1	0	3	6	0	3
6	Tampin	0	0	0	4	0	0	0	0	2	4	0	2
7	Jempol	0	0	0	7	0	0	0	0	0	7	0	0
8	Jelebu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		150	26	0	61	27	0	6	31	17	217	84	17

Sumber: YNS

Nota: KN - Kerajaan Negeri


- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap lesen iklan *billboard/unipole* yang dikeluarkan mendapati jumlah hasil yang berjaya dikutip oleh MPS dan MPN telah meningkat pada setiap tahun iaitu sejumlah RM320,497 pada tahun 2013, RM356,200 pada tahun 2014 dan RM358,406 pada tahun 2015 seperti di **Jadual 1.5** dan **Carta 1.1**. Jumlah kutipan ini terdiri daripada lesen iklan yang dikeluarkan pada tahun semasa dan juga terimaan tunggakan lesen bagi tahun sebelumnya. Bagaimanapun, jumlah kutipan di kawasan MPS semakin berkurangan berbanding di kawasan MPN kerana berlaku pengurangan sewaan dan pembinaan papan iklan *billboard/unipole* yang ketara di kawasan MPS pada tahun 2014 dan 2015.

Jadual 1.5
Bilangan Lesen Iklan *Billboard/Unipole* Dan Kutipan Hasil
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

PBT	Bilangan Lesen (Unit)			Jumlah Kutipan Hasil (RM Juta)		
	2013	2014	2015	2013	2014	2015
MPS	122	18	2	0.23	0.22	0.21
MPN	47	42	32	0.09	0.13	0.15
Jumlah	169	60	34	0.32	0.35	0.36

Sumber: MPS dan MPN

Carta 1.1
Jumlah Kutipan Lesen Iklan Billboard/Unipole Bagi Tahun 2013 hingga 2015



Sumber: MPS dan MPN

1.4.1.5. Proses Meluluskan Permohonan Lesen Iklan Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan MPS dan MPN, tempoh masa mengeluarkan kelulusan permohonan lesen iklan *billboard/unipole* adalah selama 30 hari daripada tarikh permohonan diterima lengkap. Semakan Audit terhadap 24 sampel permohonan lesen papan iklan jenis *unipole* dan 85 lesen papan iklan jenis *e-bunting* di tanah dan rizab Kerajaan di kawasan MPS mendapati 96 (88.1%) telah diluluskan melebihi tempoh 30 hari iaitu lewat antara 95 hari hingga 371 hari. Bagi kawasan MPN pula, semakan Audit terhadap 22 sampel permohonan lesen papan iklan jenis *unipole* dan 12 papan iklan jenis *e-bunting* di tanah dan rizab Kerajaan mendapati 29 (85.3%) telah diluluskan melebihi tempoh 30 hari iaitu lewat antara 6 hari hingga 81 hari seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Proses Kelulusan Lesen Iklan Melebihi Tempoh
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Jenis Papan Iklan	Bil. Tapak (Unit)	Tempoh Kelulusan (Hari)	Tempoh Kelewatan (Hari)
MPS				
1	<i>Unipole</i>	11	125 - 401	95 - 371
2	<i>E-Bunting</i>	85	173	143
MPN				
3	<i>Unipole</i>	17	36 - 65	6 - 35
4	<i>E-Bunting</i>	12	111	81

Sumber: MPS

- b. **Mengikut maklum balas MPS dan MPN bertarikh 29 Julai 2016, antara punca kelewatan pemprosesan lesen iklan di kedua-dua PBT adalah disebabkan kekurangan kakitangan di Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan.**

Bagaimanapun Majlis akan meningkatkan dan mempercepatkan proses permohonan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Dan Pembersihan yang akan dibuat 2 kali sebulan. MPS dan MPN juga di dalam proses pengambilan Penolong Pegawai Kesihatan baru.

1.4.1.6. Lesen Iklan Jejambat/Jejantas Dikeluarkan Tanpa Kelulusan Kementerian Kerja Raya


- a. MMKN pada 10 Ogos 2011 memutuskan papan iklan jejambat/jejantas telah diserahkan pengurusannya kepada PBT. Seksyen 85A, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) menyatakan bermula tahun 2011, semua permohonan mendirikan struktur papan iklan bagi rizab Jalan Persekutuan hendaklah dikemukakan terus kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk kelulusan. Bagi tahun 2013 hingga 2015 sebanyak 7 dan 2 lesen iklan jejambat/jejantas masing-masing dikeluarkan di MPS dan MPN. Semakan Audit mendapati 7 lesen iklan jejambat/jejantas yang dikeluarkan di kawasan MPS melibatkan pembinaan 12 unit struktur papan iklan di kawasan rizab Jalan Persekutuan antaranya seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**. Bagaimanapun, tiada kelulusan KKR dikemukakan oleh pemilik papan iklan sebelum lesen tersebut dikeluarkan. Keadaan ini disebabkan oleh MPS telah meluluskan permohonan lesen iklan secara bersyarat terlebih dahulu sebelum kelulusan KKR diperoleh oleh pemilik papan iklan. Perincian lokasi adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Gambar 1.1
Papan Iklan Dibina Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan Tanpa Kelulusan KKR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rahang, Seremban
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 1.2
Papan Iklan Dibina Di Dalam Rizab Jalan Persekutuan Tanpa Kelulusan KKR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lintasan Jalan Haruan 2,
Oakland Commercial Centre
Tarikh: 15 Ogos 2016

Jadual 1.7
Lokasi Papan Iklan Jejambat/Jejantas Yang Dibina Tanpa Kelulusan KKR
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	No. Tapak	Lokasi
1	KO06	Jambatan Lingkaran Tengah II MRR2, Persimpangan Bertingkat Jalan Tunku Antah.
2	KO07	Jalan Rahang Berhampiran Pasaraya AEON Big Forest Height
3	KO08	Jalan Senawang/ Tampin Menghala Kawasan Perindustrian Senawang
4	KO09	Jejantas Lintasan Pejalan Kaki Jalan Kuala Pilah Berhampiran Sekolah Kebangsaan Ampangan
5	KO10	Persimpangan Bertingkat Jalan Rasah Menghala Ke Pusat Bandar Seremban Dari Arah Persimpangan Ke Plaza Tol Port Dickson
6	KO11	Jalan Sungai Ujong Lintasan Jalan Haruan 2 (Pasaraya TESCO S2)
7	KO12	Jalan Rasah/Jalan Tuanku Antah Menghala Jalan Dato' Bandar Tunggal

Sumber: MPS

- b. **Mengikut maklum balas MPS pada 29 Julai 2016, MPS menerima cadangan pihak Audit supaya pemohon mendapatkan kelulusan KKR terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan untuk pengeluaran lesen bagi permohonan lesen iklan jejambat/jejantas yang akan datang dan menyertakan salinan kelulusan berkenaan bersama borang permohonan lesen iklan.**

1.4.1.7. Pengurusan Deposit Lesen Papan Iklan Luar

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 162, jika tiada sebab-sebab khas pada sebaliknya, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diiklankan bagi tujuan pewartaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada hasil. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Wang Tak Dituntut 1965, Pihak Berkuasa Awam adalah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh yang demikian PBT adalah tertakluk kepada Akta ini dan PBT hendaklah memulangkan wang deposit yang tidak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- b. MPS ada mengenakan deposit sejumlah RM300 bagi setiap lesen papan iklan *billboard/unipole* yang dikeluarkan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM27,000 deposit lesen papan iklan *billboard/unipole* telah diterima oleh MPS. Semakan Audit mendapati sejumlah RM4,800 (17.8%) telah dikembalikan serta baki RM22,200 masih belum dikembalikan seperti di **Jadual 1.8** disebabkan tempoh lesen yang masih belum tamat.

Jadual 1.8
Deposit Pengeluaran Lesen Iklan MPS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Perkara	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah Deposit Diterima	9,300	10,200	7,500	27,000
Jumlah Deposit Dikembalikan	1,200	2,100	1,500	4,800
Baki Deposit Belum Dikembalikan	8,100	8,100	6,000	22,200

Sumber: MPS

- c. Pihak Audit juga mendapati pada 31 Mac 2016 MPS telah mengemukakan deposit yang tidak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Di Tuntut berjumlah RM29,700 yang melibatkan deposit lesen papan iklan luar bagi tahun 1997 hingga 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran lesen papan iklan luar adalah kurang memuaskan memandangkan MPS dan MPN mengeluarkan kelulusan permohonan lesen iklan melebihi tempoh 30 hari yang ditetapkan di dalam Piagam Pelanggan dan lesen iklan jejambat/jejantas dikeluarkan tanpa kelulusan KKR.

1.4.2. Binaan Dan Keselamatan Papan Iklan Luar

1.4.2.1. Papan Iklan Dibina Tanpa Lesen Pendudukan Sementara Dan Permit Mengguna Ruang Udara

- a. Seksyen 75A Kanun Tanah Negara menyatakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh meluluskan permit bagi maksud membina, menyenggara dan menduduki sesuatu struktur di atas tanah/rizab Kerajaan atau melintasi atas tanah/rizab Kerajaan. Bagi tujuan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan Permit Mengguna Ruang Udara (PMRU), pemilik iklan perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) bagi membolehkan struktur binaan iklan tersebut dibina. Jadual Keempat Peraturan Tanah Negeri Sembilan 2002 menyatakan caj bayaran bagi setiap LPS yang dikeluarkan bagi tujuan pengiklanan adalah pada kadar RM100 setahun bagi setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya. Kadar bagi PMRU pula adalah RM100 setahun bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya untuk tujuan komersial dan RM20 setahun bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya untuk tujuan persendirian. Piagam Pelanggan Bahagian Pelupusan Tanah PDT Seremban pula menyatakan tempoh masa kelulusan permohonan LPS adalah selama 9 bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima.
- b. Pihak Audit telah memilih sampel untuk semakan permohonan LPS dan PMRU terhadap 33 papan iklan *billboard/unipole*, 1 papan iklan elektronik (LED), 97 papan iklan *E-Bunting* dan 14 iklan jejambat/jejantas yang dibina di tanah dan rizab Kerajaan untuk kawasan Seremban dan Nilai bagi tahun 2013 hingga 2015 di PDT Seremban. Bagaimanapun, hanya 18 fail permohonan LPS dapat dikemukakan untuk semakan dan semua permohonan tersebut telah tertangguh sejak tahun 2013 kerana

tidak dilengkapkan dengan Pelan Tanah (*Pre-Comp*). Semakan selanjutnya terhadap 18 fail permohonan tersebut mendapat hanya 10 daripadanya telah diberikan ulasan keluasan *billboard/unipole* untuk dikira kadar LPS. Namun tiada satu pun makluman kadar bayaran lesen/permit telah dikeluarkan kepada pemilik papan iklan.

- c. Berdasarkan ulasan pengiraan keluasan tanah tersebut, pihak Audit telah membuat pengiraan anggaran hasil yang sepatutnya boleh dikutip oleh PDT Seremban disebabkan kegagalan LPS dan PMRU dikeluarkan bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengiraan ini dibuat berdasarkan kadar minimum LPS dan PMRU iaitu RM100 bagi setiap 1 meter persegi atau separuh daripadanya. Bagi ukuran saiz, pihak Audit telah mengambilkira ukuran minimum bagi setiap unit *billboard/unipole* dan iklan jejambat/jejantas iaitu masing-masing 25.2 meter persegi dan 1 meter persegi bagi setiap unit LED dan *E-Bunting*. Berdasarkan kiraan Audit, sejumlah RM123,200 anggaran hasil tidak dapat dikutip oleh PDT Seremban dan ini merupakan kerugian terhadap hasil Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 1.9**. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan susulan tidak diambil bagi memberikan maklum balas bertulis kepada pihak yang memohon LPS/PMRU.

Jadual 1.9
Papan Iklan Luar Tanpa LPS Dan PMRU Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Anggaran Hasil Jika Bayaran LPS Dan PMRU Dikutip			
	<i>Billboard/Unipole</i>	LED	<i>E-Bunting</i>	Jejambat/Jejantas
Bilangan Papan Iklan	33	1	97	12
Saiz	831.6	1	97	302
Hasil LPS/PMRU@RM100/Unit	83,160	100	9,700	30,240
Jumlah	RM123,200			

Sumber: PDT Seremban

- d. **Mengikut maklum balas PDT Seremban bertarikh 26 Julai 2016, LPS dan PMRU akan diproses berdasarkan dokumen lengkap yang dikemukakan oleh pihak pemohon. Bagaimanapun, kebanyakan permohonan yang diterima adalah tidak lengkap di mana pemohon tidak menyertakan pelan lokasi yang tepat dan pelan *pre-comp* yang menyebabkan proses kelulusan tertangguh. Selain itu, terdapat beberapa papan iklan luar yang didirikan tidak dibuat permohonan oleh pihak YNS dan tanpa pengetahuan PDT Seremban. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbiran PDT Seremban akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan permohonan yang diterima dapat diproses mengikut tempoh serta kadar bayaran yang ditetapkan bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.**

1.4.2.2. Penyenggaraan Papan Iklan Luar

Semakan Audit terhadap 33 papan iklan *billboard/unipole*, 1 papan iklan elektronik (LED), 97 papan iklan *E-Bunting* serta 14 iklan jejambat/jejantas di sekitar kawasan MPS dan MPN mendapat kesemuanya telah diselenggara dengan baik. Selain itu, visual iklan yang

dipaparkan juga masih berada dalam keadaan baik dan tidak lusuh. Semakan terhadap 17 unit papan iklan jenis *billboard/unipole* yang dibina dan diberikan secara percuma oleh SMSB kepada Kerajaan Negeri di setiap daerah termasuk setiap pintu masuk ke Negeri Sembilan juga berada dalam keadaan baik. Pihak Audit dimaklumkan oleh SMSB kos pembinaan bagi setiap *billboard/unipole* tersebut adalah antara RM60,000 hingga RM150,000 bergantung kepada lokasi dan struktur tanah.

1.4.2.3. Perlindungan Insurans

Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2009 menyatakan setiap lesen permohonan pemasangan papan iklan boleh dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut Undang-Undang Kecil Iklan di bawah peruntukan Seksyen 102(a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pekeliling dan Undang-Undang Kecil tersebut mensyaratkan pemasangan papan iklan hendaklah dilindungi insurans tanggungan awam pada kadar yang ditentukan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia/Jabatan Kerja Raya/PBT bagi jalan di bawah kawalan masing-masing. Undang-undang Kecil Iklan MPS 1980 dan Undang-Undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan 1992 juga menetapkan peraturan yang sama. Semakan Audit terhadap 33 papan iklan *billboard/unipole*, 1 papan iklan elektronik (LED), 97 papan iklan *E-Bunting* dan 14 iklan jejambat/jejantas di tanah dan rizab Kerajaan mendapati semuanya telah dilindungi insurans tanggungan awam dan diperbaharui mengikut tempoh ditetapkan.

Pada pendapat Audit, keselamatan papan iklan luar di kawasan Seremban dan Nilai adalah baik. Bagaimanapun pihak MPS, MPN, YNS dan PDT Seremban hendaklah memastikan syarat-syarat kelulusan lesen dipatuhi seperti yang ditetapkan bagi mengelakkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil.

1.4.3. Penguatkuasaan Papan Iklan Luar

1.4.3.1. Perkara 14(1), Undang-undang Kecil Iklan MPS 1980 menyatakan Yang DiPertua Majlis boleh memerintahkan serta merta apa-apa iklan termasuk struktur yang didirikan khas bagi iklan yang ditunjukkan tanpa lesen atau bersalah dengan Undang-Undang Kecil ini atau iklan tersebut berkaitan dengan tred/perniagaan/perusahaan yang haram. Perkara 16(1), Undang-undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan 1992 (Pindaan 1996) yang digunakan MPN pula menyatakan Majlis boleh memohon kepada mahkamah satu perintah untuk diturunkan terus mana-mana iklan termasuk struktur yang didirikan khas bagi iklan yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau iklan tersebut bertujuan untuk kemajuan tred/perniagaan/perusahaan yang menyalahi undang-undang.

1.4.3.2. Berdasarkan kepada Laporan Penurunan Papan Tanda yang disediakan oleh Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan MPS dan MPN, sebanyak 74 papan iklan luar telah diturunkan pada tahun 2013, 24 pada tahun 2014 dan 417 pada tahun 2015 di

atas kesalahan mendirikan struktur papan iklan tanpa kebenaran dan mempamer iklan tanpa lesen seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Bilangan Papan Iklan Luar Dibina Tanpa Kebenaran Dan Dipamer Tanpa Lesen Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Bilangan Papan Iklan Luar (Unit)		
	2013	2014	2015
Seremban	5	0	298
Nilai	69	24	119
Jumlah	74	24	417

Sumber: MPS dan MPN

1.4.3.3. Semakan Audit mendapati Perancangan Tahunan Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan MPS dan MPN ada disediakan. Bagaimanapun, perancangan tersebut tidak termasuk aktiviti penguatkuasaan terhadap kes membina dan mempamer papan iklan luar tanpa lesen. Dari sudut pelaksanaan pula, penguatkuasaan (Operasi Ops Iklan) yang dilakukan terhadap papan iklan luar bersaiz kecil dan sederhana termasuk *bunting* serta poster adalah antara 5 hingga 10 kali sebulan.

1.4.3.4. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, tiada operasi penguatkuasaan dijalankan oleh MPN terhadap papan iklan jenis *billboard/unipole* yang dipamer tanpa lesen dan dibina tanpa kebenaran. Bagi MPS pula, hanya sekali operasi penguatkuasaan dijalankan iaitu pada 3 Julai 2013. Bagaimanapun, Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan berserta Jabatan Perlesenan kedua-dua PBT telah mengambil inisiatif menjalankan operasi papan iklan luar jenis *billboard/unipole* pada 17 Mac 2016 di Lebuhraya Utara-Selatan (Arah Selatan) dan pada 16 Mei 2016 di sekitar Daerah Seremban.

1.4.3.5. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 43 kompaun telah dikeluarkan melibatkan 37 kompaun bagi kesalahan mendirikan struktur binaan papan iklan tanpa kebenaran dan mempamer visual tanpa lesen di kawasan MPN antaranya seperti di **Gambar 1.3** dan 6 kompaun di kawasan Seremban. Kesemua papan iklan di kawasan MPN berkenaan berada di Lebuhraya Utara Selatan iaitu bermula daripada kilometer 281.2 hingga kilometer 265.6 (*Exit Tol Seremban*) dan kilometer 255.3 hingga kilometer 248.5 (*Exit Tol Pedas Linggi*). Sehingga Mac 2016, secara keseluruhannya terdapat 248 papan iklan *billboard/unipole* di Lebuhraya Utara Selatan yang terdiri daripada papan iklan yang dibina di kawasan MPN melibatkan tanah persendirian dan tanah serta rizab Kerajaan.



Gambar 1.3
Struktur Papan Iklan Dibina Tanpa Kebenaran Dan Dipamer Tanpa Lesen

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuhraya Utara-Selatan, KM 287.6
Tarikh: 17 Mei 2016

1.4.3.6. Selain kawasan MPN, kesalahan sama di kawasan MPS telah dikeluarkan 6 notis kompaun antaranya seperti di **Gambar 1.4**. Berdasarkan kepada salinan notis kompaun yang dikeluarkan, setiap kesalahan mendirikan struktur binaan papan iklan *billboard/unipole* tanpa kebenaran dikenakan kompaun sejumlah RM500 dan bagi kesalahan mempamer iklan tanpa lesen dikenakan kompaun sejumlah RM250. Syarikat pengiklan diberi peluang untuk mendapatkan lesen dan membayar kompaun tersebut dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis kompaun dikeluarkan dan sekiranya gagal berbuat demikian, struktur binaan papan iklan tersebut akan dirobohkan seperti di **Gambar 1.5**. Bagaimanapun, MPS dan MPN tidak diberikan kuasa untuk mengambil tindakan merobohkan papan iklan *billboard/unipole* kerana setiap kes tersebut hendaklah didaftarkan di Mahkamah Majistret. Ini telah menyebabkan tindakan penguatkuasaan bagi meroboh papan iklan luar mengambil masa yang lama.

Gambar 1.4
Struktur Papan Iklan Dibina Tanpa Kebenaran Dan Dipamer Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 265 Arah Ke Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.5
Papan Iklan Dirobohkan



Sumber: Majlis Perbandaran Seremban
Lokasi: KM 265 Arah Ke Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan
Tarikh: 16 Julai 2016

1.4.3.7. Mengikut maklum balas MPS dan MPN yang bertarikh 29 Julai 2016, MPS mempunyai 2 pasukan khas iaitu Renjer Bandar dan Unit Penguatkuasa yang terdiri daripada 5 orang kakitangan bagi setiap pasukan untuk pemantauan dan tindakan penurunan struktur papan iklan luar tanpa kelulusan termasuk kain rentang,

bunting dan papan tanda di kawasan MPS. Bagi MPN pula sebanyak 2 pasukan yang telah ditubuhkan terdiri daripada 3 orang kakitangan bagi setiap pasukan untuk tindakan penurunan kain rentang dan **bunting** di kawasan MPN.

1.4.3.8. Pihak Audit juga turut menyertai operasi Ops *Iklan* yang dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan MPS pada 16 Mei 2016 di sekitar Jalan Sungai Ujong dan *Oakland Commercial Centre Seremban 2*. Hasil operasi tersebut, sebanyak 7 papan iklan luar telah ditanggalkan atas kesalahan membina di kawasan larangan dan mempamer tanpa lesen antaranya seperti di **Gambar 1.6** hingga **Gambar 1.9**. Kesemua papan iklan luar yang ditanggalkan disimpan di Stor Sita MPS seperti di **Gambar 1.10** dan akan dilupuskan secara jualan besi buruk sekiranya tiada tuntutan oleh pihak pemilik iklan. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 4 aktiviti pelupusan telah dilakukan oleh MPS melibatkan hasil jualan sisa sejumlah RM173,005.

Gambar 1.6
Iklan Luar Dibina Di Tempat Larangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Ujong, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.7
Papan Iklan Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Ujong, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.8
Struktur Papan Iklan Luar Dibina
Dan Dipamer Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Oakland Commercial Centre Seremban 2
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.9
Papan Iklan Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Oakland Commercial Centre Seremban 2
Tarikh: 16 Mei 2016



Gambar 1.10
Papan Iklan Luar Yang Telah Ditanggalkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Sita MPS, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

1.4.3.9. Selain itu, pihak Audit juga turut menyertai operasi yang dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan MPN pada 18 Mei 2016 di sekitar kawasan Enstek dan mendapati sebanyak 5 papan iklan luar telah dibina tanpa kelulusan dan dipamer tanpa lesen. Hasil operasi tersebut, papan iklan luar ini telah ditanggalkan antaranya seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**. Bagaimanapun, MPN tidak mempunyai stor sita dan semua papan iklan yang ditanggalkan tersebut telah dikumpul dan dilonggokkan di bahagian belakang Dewan MPN di perkarangan Kompleks MPN. Sepanjang tempoh tahun 2013 hingga 2015, MPN belum mengambil tindakan pelupusan terhadap papan iklan luar yang telah dirobohkan seperti di **Gambar 1.13**.

Gambar 1.11
Struktur Papan Iklan Dibina
Dan Dipamer Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Enstek, Nilai
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 1.12
Papan Iklan Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Enstek, Nilai
Tarikh: 18 Mei 2016



**Gambar 1.13
Papan Iklan Luar Yang Telah Ditanggalkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Dewan MPN, Kompleks MPN
Tarikh: 18 Mei 2016

1.4.3.10. Mengikut maklum balas MPN bertarikh 20 Julai 2016, MPN tidak mempunyai stor sita, bagaimanapun pihak MPN di dalam proses membuat pelupusan papan iklan luar tersebut bersekali dengan barang lain.

1.4.3.11. Lawatan Audit pada 18 Mei 2016 mendapati seunit papan iklan (2 muka) *billboard/unipole* dan papan iklan pagar telah dibina dan dipamer tanpa lesen. Papan iklan tersebut berada di lokasi sempadan daerah Seremban dan Nilai seperti di **Gambar 1.14**. Pihak Audit dimaklumkan tindakan penguatkuasaan tidak diambil memandangkan wujud salah faham antara kedua-dua PBT mengenai sempadan dan kuasa di kawasan tersebut yang terletak di antara kilometer 255.3 hingga kilometer 265.6 Lebuhraya Utara-Selatan seperti di **Carta 1.2**.



**Gambar 1.14
Papan Iklan Billboard/Unipole Dan Papan Iklan Pagar Dibina Tanpa Lesen**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Antara KM 255.3 hingga KM 265.6 Arah Ke Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan
Tarikh: 18 Mei 2016

**Carta 1.2
Kedudukan Papan Iklan Billboard/Unipole Dan Iklan Pagar Yang Dibina Tanpa Lesen**



Sumber: MPN

1.4.3.12. Mengikut maklum balas MPS dan MPN bertarikh 27 September 2016, papan iklan (2 muka) *billboard/unipole* tersebut terletak di kawasan MPN dan telah dilesenkan (No Lesen: 15552) pada 2 Februari 2016. Manakala papan iklan pagar juga adalah di bawah kawasan seliaan MPN. Pengiklan telah membuat permohonan dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPN Bil. 13/2016 bertarikh 19 Ogos 2016.

Pada pendapat Audit, usaha penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PBT perlu digiatkan lagi terutama bagi mengeluarkan kompaun dan merangka strategi aktiviti meroboh papan iklan luar yang tidak mematuhi kriteria ditetapkan di tanah persendirian. MPN adalah disaran mengkaji semula kaedah penyimpanan dan pelupusan sisa papan iklan luar bagi mengelak pembaziran ruang kawasan Kompleks MPN.

1.4.4. Pengurusan Papan Iklan Luar Oleh Pihak Swasta

YNS telah melantik syarikat Semarak Media Sdn. Bhd. (SMSB) sebagai wakil pelaksana OSA secara rundingan terus dengan pemberian hak eksklusif untuk tempoh 20 tahun (10 tahun + 10 tahun) bermula 23 Ogos 2011. Objektif utama pengurusan papan iklan luar ini diserahkan kepada SMSB adalah untuk menyeragamkan semua papan iklan luar di Negeri Sembilan seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.18** selain membantu YNS menjana pendapatan melalui bayaran bulanan yang diterima daripada SMSB bagi setiap unit papan iklan luar yang disewa. Cadangan perlantikan SMSB telah dimajukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YNS pada 11 Januari 2011 serta kelulusan MMKN pada 31 Mei 2011.

**Gambar 1.15
Papan Iklan Jenis *Unipole* Yang
Diuruskan SMSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Chedang Fasa 2
Tarikh: 25 April 2016

**Gambar 1.16
Papan Iklan Jenis *Column Wrap* Yang
Diuruskan SMSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Susur Ke Forest Height, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.17
Papan Iklan Jenis Elektronik Yang Diuruskan SMSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang MPS, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 1.18
Papan Iklan Jenis *E-Bunting* Yang Diuruskan SMSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ampangan, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

1.4.4.1. Hasil Diterima Melalui Pelantikan Wakil Pelaksana Tidak Mencapai Keuntungan Seperti Yang Diunjurkan

- a. Mengikut Klausula 8, Dokumen Perjanjian yang ditandatangani antara Lembaga Pemegang Amanah YNS (LPA YNS) dan SMSB pada 23 Ogos 2011, SMSB hendaklah membayar kepada YNS mengikut kadar yang telah ditetapkan berdasarkan pengiraan untuk setiap jenis iklan luar sebagaimana yang dipersetujui pada setiap bulan pada atau sebelum 14 haribulan untuk bulan berikutnya. Kertas Cadangan Pemberian Hak Konsesi mengunjurkan sejumlah RM2.81 juta akan diperoleh oleh YNS bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 daripada SMSB. Selain itu, SMSB juga akan menyediakan laporan bayaran bulanan kepada YNS berdasarkan papan iklan luar yang disewakan kepada pengiklan pada bulan tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati SMSB ada mengemukakan laporan berserta bayaran kepada YNS mengikut kadar yang dipersetujui dalam Dokumen Perjanjian pada setiap bulan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM0.83 juta telah dibayar kepada YNS bagi tujuan tersebut seperti di **Jadual 1.11**. Ini bermaksud perbezaan sejumlah RM1.98 juta tidak dapat dicapai oleh YNS berdasarkan unjuran pendapatan yang dicadangkan melalui pelaksanaan penswastaan tersebut.

Jadual 1.11
Terimaan, Bayaran Dan Keuntungan YNS
Bagi Pengurusan Papan Iklan Luar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Perkara	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	Jumlah (RM)
Terimaan Untuk <i>Billboard/Unipole</i>	225,000	260,000	272,500	757,500
Terimaan Untuk LED	-	12,000	12,000	24,000
Terimaan Untuk <i>E-Bunting</i>	-	-	50,235	50,235
Jumlah Terimaan (a)	225,000	272,000	334,735	831,735
Bayaran Kepada PBT	278,070	265,150	242,979	786,199
Terimaan Sebenar YNS (b)	-53,070	6,850	91,756	45,536
Peratus Lebihan/Kurangan (b/a x 100%)	-23.59%	2.52%	27.41%	5.47%
Anggaran Pendapatan YNS Yang Diunjurkan Dalam Proposal	845,000	950,250	1,013,250	2,808,500
Perbezaan Antara Anggaran Pendapatan YNS Yang Diunjurkan Dalam Proposal Dan Terimaan Sebenar YNS	-620,000	-678,250	-678,515	-1,976,765

Sumber: YNS

- c. Berdasarkan **Jadual 1.11**, selain menerima bayaran bulanan daripada SMSB, YNS turut mengemukakan bayaran lesen iklan, cukai taksiran, bayaran potong rumput dan lain-lain bayaran kepada PBT terlibat. Keadaan ini disebabkan YNS terikat dengan klausula 5.1 (v) Dokumen Perjanjian di mana YNS bertanggungjawab untuk membayar segala bayaran cukai, levi dan bayaran yang kemudian dikenakan oleh Pihak Berkuasa berkenaan termasuk pindaan dari semasa ke semasa. Impaknya bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, YNS hanya memperoleh pendapatan bersih sejumlah RM45,536 iaitu 5.5% daripada RM0.83 juta yang diterima berbanding RM2.81 juta yang diunjurkan.
- d. **Mengikut maklum balas YNS bertarikh 20 Julai 2016, sehingga kini YNS hanya dapat melaksanakan 4 daripada 7 jenis papan iklan luar iaitu *billboard*, *unipole*, *paparan elektronik* dan *column wrap* disebabkan keperluan keadaan pasaran. Selain itu, antara faktor menyumbang kepada YNS masih tidak dapat mencapai 100% penyewaan adalah disebabkan terdapat papan iklan luar tidak berlesen dibina di atas tanah persendirian dan di luar kawalan YNS.**

1.4.4.2. Ruang Papan Iklan Yang Diberikan Kepada Kerajaan Negeri Tidak Dimanfaatkan

- a. Berdasarkan keputusan MMKN yang bersidang pada 10 Ogos 2011, sebagai balasan di atas pemberian hak eksklusif pengurusan papan iklan luar kepada SMSB, Kerajaan Negeri akan diberikan 5% atau 200 unit papan iklan luar (mengikut mana yang lebih tinggi) daripada jumlah keseluruhan papan iklan luar yang dipasang di Negeri Sembilan secara berperingkat.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2015, sebanyak 17 unit papan iklan luar jenis *billboard/unipole* telah dibina dan diberikan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan mempromosikan Negeri Sembilan dan sebarang program/aktiviti PBT/Kerajaan Negeri yang tidak berdasarkan keuntungan. Segala kos penyenggaraan bagi kesemua

billboard/unipole berkenaan ditanggung oleh pihak SMSB, termasuk kos pemasangan dan penukaran visual. Jabatan/Agensi Kerajaan yang berminat untuk mempamerkan kempen atau sebarang program/aktiviti hanya akan dikenakan bayaran RM1,950 iaitu kos cetakan visual. Permohonan serta bayaran perlulah dikemukakan melalui YNS. Lawatan Audit terhadap papan iklan jenis *billboard/unipole* milik Kerajaan Negeri ini mendapati 7 (41.2%) daripadanya tidak mempunyai paparan visual dan dibiarkan kosong seperti di **Jadual 1.12** dan contoh di **Gambar 1.19**.

Jadual 1.12
Papan Iklan Billboard/Unipole Milik Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	PBT	No. Tapak	Lokasi
1	MPN	NP093	Persimpangan Laluan N7/Laluan N5, Berdekatan Pekan Rantau
2	MPS	SP008	Persimpangan Sungai Ujong/Jalan Labu Menuju Pusat Bandar Dari PLUS
3	MPS	SP064	Persimpangan Jalan Senawang/Jalan Seremban Jaya, Dari Plaza Tol Senawang Menuju Lebuhraya LEKAS
4	MPS	SP220-A	Bersebelahan Jalan Penghulu Cantik Menuju Allson Klana
5	MPS	SP221	Bertempat di Jalan Ampangan Bersebelahan Sungai Linggi
6	MPPD	PD19	Persimpangan Lebuhraya Seremban - Port Dickson/Laluan N8, Trafik menghala ke Bandar Port Dickson
7	MPPD	PD23	Persimpangan Laluan N8/Jalan Pantai, Trafik Menuju Pusat Bandar

Sumber: SMSB dan YNS

Gambar 1.19
Papan Iklan Milik Kerajaan Negeri Kosong Tanpa Visual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Penghulu Cantik, Seremban
Tarikh: 19 Mei 2016

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Penghulu Cantik, Seremban
Tarikh: 3 Ogos 2016

- c. Mengikut maklum balas MPS bertarikh 20 Julai 2016, 4 daripada 7 papan iklan luar jenis *billboard/unipole* berkenaan telah dipamerkan ucapan perayaan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu juga, untuk mengelakkan papan iklan *billboard/unipole* menjadi kosong, pihak MPS dan MPN mencadangkan agar YNS memasang iklan promosi/ kempen berbentuk kekal seperti kempen menjaga kebersihan dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan luar secara *outsource* kepada pihak swasta adalah kurang memuaskan. YNS hendaklah merangka strategi bagi memastikan pengurusan papan iklan luar secara *outsource* dapat mencapai pulangan hasil seperti yang diunjurkan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan papan iklan luar di tanah dan rizab Kerajaan Negeri Sembilan, adalah disyorkan Yayasan Negeri Sembilan (YNS), Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (PDT Seremban) mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. MPS dan MPN menjalankan penguatkuasaan berkala terhadap papan iklan luar termasuklah daripada jenis *billboard/unipole* bagi memastikan semua struktur papan iklan luar dibina dengan kebenaran, memperoleh kelulusan pihak berkenaan, mempunyai lesen yang masih dalam tempoh dan paparan visual mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

1.5.2. PDT Seremban hendaklah mengambil langkah proaktif untuk memproses permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan Permit Mengguna Ruang Udara (PMRU) mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan agar dapat membantu meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

1.5.3. YNS selaku One-Stop Agency (OSA) perlu membuat hebahan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan di Negeri Sembilan untuk mempromosikan aktiviti/program/kempen Jabatan/Agensi Kerajaan terlibat bagi memanfaatkan 17 papan iklan luar yang telah diberikan secara percuma kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

JABATAN KERJA RAYA

2. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN SEKOLAH AGAMA

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) di bawah Unit Pembangunan adalah bertanggungjawab terhadap projek pembinaan, ubahsuai, naiktaraf, pembaikan dan penyenggaraan (Projek) di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Bagi kerja yang melibatkan pembinaan bangunan Kerajaan yang memerlukan kepakaran teknikal, Agensi Pelaksana adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS). JHEAINS bertanggungjawab melaksanakan Projek bagi 3 buah SMAN dan 16 buah SABK. Projek yang dilaksanakan di SMAN dan SABK sebelum tahun 2015 dibiayai menggunakan peruntukan pembangunan P63. Mulai 10 September 2015, semua projek yang dilaksanakan di SABK dibiayai menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan lain-lain peruntukan melalui Akaun Amanah SABK.

2.1.2. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 114 projek pembinaan dan pemberian berjumlah RM10.77 juta telah dilaksanakan oleh JHEAINS dan JKRNS masing-masing berjumlah RM6.32 juta dan RM4.45 juta. Pecahan bilangan dan kos projek bagi SMAN dan SABK bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Projek Pembinaan Dan Pemberian SMAN Dan SABK
Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	SMAN		SABK			
	P63			Akaun Amanah		
	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)
2013	12	0.73	9	0.43	-	-
2014	22	1.39	12	0.22	-	-
2015	15	1.10	-	-	44	6.90
Jumlah	49	3.22	21	0.65	44	6.90

Sumber: JHEAINS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek Pembinaan Dan Pemberian Sekolah Agama yang dilaksanakan oleh JHEAINS dan JKRNS telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi serta mematuhi undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan projek Pembinaan Dan Pembaikan Sekolah Agama termasuk pengurusan perolehan kerja bagi tahun 2013 hingga 2015. Pihak Audit telah memilih 25 dan 36 sampel projek masing-masing bagi SMAN dan SABK untuk pemeriksaan fizikal bagi meneliti elemen pematuhan spesifikasi dan kualiti kerja. Manakala, bagi semakan dokumen dan pengurusan perolehan, masing-masing sebanyak 48 dan 65 sampel fail projek SMAN dan SABK telah dipilih di JHEAINS dan JKRNS. Temu bual turut dilakukan dengan pegawai yang bertanggungjawab. *Exit Conference* bersama Pengarah JHEAINS dan Ketua Penolong Pengarah (Bangunan Dan Pendidikan) JKRNS telah diadakan pada 29 Julai 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati prestasi projek pembinaan sekolah agama bagi tahun 2013 hingga 2015 oleh JKRNS adalah memuaskan di mana 6 daripada 11 atau 54.5% telah dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Manakala prestasi projek pembinaan oleh JHEAINS bagi tempoh yang sama adalah sangat baik di mana 100% kerja pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek yang ditemui yang memerlukan perhatian oleh JHEAINS dan JKRNS bagi mengelakkan kelemahan ini berulang seperti berikut:

- Tindakan penamatan kontrak lewat diambil bagi projek berstatus lewat jadual.
- Kerja tidak mengikut spesifikasi piawaian umum.
- Pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan.
- Projek siap tidak digunakan.
- Kelemahan dalam prosedur perolehan.

2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

2.4.1.1. Proses Pemilihan Projek

- a. Pemilihan projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan JHEAINS dibuat berdasarkan penilaian oleh Unit Pembangunan JHEAINS berdasarkan kepada permohonan oleh pihak sekolah. Kriteria utama pemilihan projek diberikan kepada isu yang memerlukan tindakan segera bagi keperluan semasa dan kerosakan yang memberikan kesan besar kepada perjalanan operasi sekolah agama. Ia kemudiannya dikemukakan kepada Pengarah JHEAINS bagi projek di bawah peruntukan pembangunan P63 dan Jawatankuasa Akaun Amanah SABK bagi projek di bawah Akaun Amanah SABK untuk kelulusan.

- b. Semakan Audit mendapati proses pemilihan projek telah dibuat dengan baik berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Selain itu, semua sekolah telah diberi peluang mengemukakan permohonan dan mengadakan sesi perbincangan bagi memastikan peruntukan dapat disalurkan dengan saksama.

2.4.2 Prestasi Pelaksanaan Projek Pembinaan Sekolah Agama

2.4.2.1. Projek yang telah dipilih perlulah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak. Bagi tahun 2015, JKRNS telah melaksanakan 11 projek pembinaan berjumlah RM4.45 juta di SABK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 projek atau 54.5% telah berjaya disiapkan mengikut tempoh ditetapkan termasuk 5 projek siap melalui kelulusan tempoh lanjutan masa. Antara sebab permohonan kelulusan lanjutan masa (EOT) adalah kesukaran mendapatkan pekerja mahir, cuti perayaan dan faktor cuaca. Manakala, baki sebanyak 5 projek didapati masih dalam pembinaan. Butiran lanjut status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Status Pelaksanaan Projek Pembinaan Di SABK Bagi Tahun 2015

Bilangan Projek	Jumlah Kos Projek (RM Juta)	Status Projek			
		Siap		Dalam Pembinaan	
		Dalam Tempoh	Dengan Lanjutan Masa	Mengikut Jadual	Lewat Jadual
11	4.45	1	5	1	4

Sumber: JHEAINS

2.4.2.2. Berdasarkan **Jadual 2.2**, pihak Audit mendapati 4 daripada 5 projek yang masih dalam pembinaan telah lewat disiapkan mengikut jadual asal. Dua projek telah ditamatkan kontrak asal disebabkan oleh kemajuan kerja semasa melewati jadual kemajuan kerja yang telah ditetapkan. Satu daripada 2 projek tersebut telah ditamatkan kontrak dan kontraktor penyelamat telah dilantik. Bagaimanapun, kontraktor penyelamat yang dilantik telah dikenakan denda (LAD) setelah tamat tempoh kelulusan EOT kedua. Pihak Audit mendapati JKRNS lewat mengambil tindakan menamatkan kontrak bagi kontraktor asal walaupun kemajuan fizikal projek telah melewati 20% daripada jadual kemajuan fizikal yang disemak semula. Manakala satu lagi projek yang ditamatkan kontrak masih dalam proses pelantikan kontraktor penyelamat oleh JKRNS. Selain itu, terdapat satu projek yang dikenakan LAD setelah tamat tempoh EOT kedua dan baki satu projek lagi masih dalam tempoh EOT kedua.

2.4.2.3. Kerja pembinaan bangunan yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi umum yang ditetapkan dalam kontrak. Lawatan fizikal terhadap 8 projek pembinaan oleh JKRNS di SABK pada 16 hingga 19 Mei 2016 mendapati pelaksanaan projek telah dibuat mengikut spesifikasi ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kerja elektrik yang dilaksanakan di bangunan tersebut tidak mengikut spesifikasi piawaian umum yang ditetapkan seperti *trunking* tidak dikod warna oren dan pemasangan *trunking* terus ke dinding yang tidak mengikut piawaian ditetapkan seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.2**.

Gambar 2.1
Trunking Tidak Dikod Warna Oren



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Haji Muhammad, Bahau
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 2.2
Pemasangan Trunking Terus Ke Dinding



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Haji Muhammad, Bahau
Tarikh: 18 Mei 2016

2.4.2.4. Mengikut maklum balas JKRNS bertarikh 1 September 2016, kelewatan menyiapkan projek berkenaan adalah disebabkan perkara yang tidak boleh dielakkan seperti faktor cuaca dan kesukaran mendapat sewaan jentera berat. Selain itu, kelewatan menamatkan kontrak sebut harga adalah disebabkan JKRNS memberi peluang dan bimbingan kepada kontraktor bumiputera terutamanya kelas G1 dan G2 untuk menyiapkan kerja walaupun terdapat kelewatan dari tempoh ditetapkan. Merujuk kepada Gambar 2.1, penggunaan label oren biasanya digunakan sekiranya terdapat lebih dari satu servis (*trunking*) di tempat yang sama. Bagaimanapun, JKR telah mengarahkan kontraktor elektrik meletakkan label oren untuk mengelakkan kekeliruan sekiranya terdapat penambahan *trunking* di masa akan datang di bangunan berkenaan. Untuk makluman, bagi kerja elektrik yang tidak mengikut spesifikasi umum, JKRNS akan meningkatkan kawalan pemantauan kerja dan telah melaksanakan kerja pembaikan berdasarkan teguran Audit.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek pembinaan sekolah agama adalah memuaskan kerana 6 daripada 11 atau 54.5% projek telah dapat disiapkan mengikut jadual. Tindakan segera oleh JKRNS hendaklah diambil setelah didapati projek berada pada status lewat jadual atau projek sakit seperti ditetapkan di dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi 3. Selain itu, pengukuran semula hendaklah dijalankan bagi mengelakkan kerja dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi piawaian umum ditetapkan dan keperluan ini hendaklah diperincikan di dalam *Bill of Quantity* (BQ).

2.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembaikan Sekolah Agama

Bagi tahun 2013 hingga 2015, JHEAINS telah melaksanakan 103 projek-projek pembaikan di SMAN dan SABK. Kerja pembaikan yang dilaksanakan adalah termasuk kerja baik pulih pendawaian sekolah, kerja menaik taraf dewan makan/asrama sekolah dan kerja membaiki tangki air/sistem kebakaran sekolah. Pihak Audit mendapati semua projek disiapkan

mengikut tempoh ditetapkan termasuk 8 projek siap melalui kelulusan tempoh lanjutan masa. Butiran lanjut status pelaksanaan projek pembinaan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Status Pelaksanaan Projek Pembinaan SMAN Dan SABK Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Sekolah	Peruntukan	Bilangan Projek	Jumlah Kos Projek (RM Juta)	Status Projek	
				Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa
SMAN	P63	49	3.22	46	3
SABK	P63	21	0.65	19	2
	Akaun Amanah	33	2.45	30	3
Jumlah		103	6.32	95	8

Sumber: JHEAINS

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek pembinaan sekolah agama JHEAINS adalah sangat baik kerana 100% projek telah dapat disiapkan mengikut jadual.

2.4.4. Pelaksanaan Projek Pembinaan

Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Lawatan fizikal terhadap 61 projek pembinaan bagi 3 buah SMAN dan 8 buah SABK pada 16 hingga 19 Mei 2016 mendapati kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi piawaian umum yang ditetapkan dan kualiti kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan. Perkara ini disebabkan oleh BQ disediakan kurang terperinci, BQ disediakan secara *lump-sum*, tiada perincian semula kerja sebelum pembayaran dibuat kepada kontraktor dan prosedur kerja bagi pengukuran semula tidak dilaksanakan setelah permohonan siap kerja dikemukakan oleh kontraktor kepada JHEAINS. Perincian penemuan Audit adalah seperti berikut:

2.4.4.1. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Piawaian Umum


- a. Lawatan Audit terhadap 17 kerja elektrik dan 7 kerja pembinaan berkaitan tangki/paip air/sistem kebakaran mendapati kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi piawaian umum yang ditetapkan seperti lukisan litar skematik tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan melibatkan 6 kes, pemasangan *trunking* serta *distribution board* tidak mengikut piawaian ditetapkan sebanyak 4 kes dan tiada penandaan arah anak panah air masuk/keluar sebanyak 5 kes. Selain itu, terdapat 4 kes melibatkan *trunking* tidak dikod warna oren dan 2 kes pendawaian menggunakan konduit *polyvinyl chloride* (PVC). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4** dan **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.5**.

Jadual 2.4
Kerja Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Penemuan Audit	Bilangan Projek
1	Lukisan litar skematik tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan.	6
2	<i>Trunking</i> dan <i>distribution board</i> diskru terus pada dinding.	4
3	Tiada penandaan arah anak panah air masuk/keluar pada paip tangki air.	5
4	<i>Trunking</i> tidak dikod warna oren.	4
5	Pendawaian menggunakan konduit PVC.	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.3
Distribution Board Diskru Terus Pada Dinding




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Ahmadi, Gemencheh
Tarikh: 17 Mei 2016

Gambar 2.4
Tiada Penandaan Arah Anak Panah Air Masuk/Keluar Pada Paip Tangki Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Hj Tan Ahmad, Jelebu
Tarikh: 19 Mei 2016



Gambar 2.5
Pendawaian Menggunakan Konduit PVC

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Klana Petra Maamor, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

- b. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 29 Julai 2016, JHEAINS akan meningkatkan kawalan pemantauan semasa kerja sedang dilaksanakan dan kerja pengukuran semula yang lebih terperinci. Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan mulai bulan Mei 2016 menggunakan peruntukan sedia ada.**

2.4.4.2. Pembayaran Bagi Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

- a. Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan kepada kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Penyelia Projek hendaklah memastikan bayaran dibuat kepada kontraktor tidak melebihi kerja yang telah dilaksanakan bagi mengelakkan berlaku pembayaran

yang tidak teratur (*improper payment*). Lawatan Audit mendapati 3 projek masing-masing di SMA Dato' Haji Tan Ahmad, SMA Dato' Klana Petra Maamor dan SMA Dato' Haji Mustafa yang melibatkan kerja bernilai RM49,130 tidak dilaksanakan oleh kontraktor seperti yang ditetapkan di dalam BQ dan projek telahpun tamat tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Semua bayaran telah dibuat bagi keseluruhan projek. Butiran lanjut mengenai kerja yang tidak dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.5**.


Jadual 2.5
Skop Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Nama Dan Kos Projek	Skop Kerja Mengikut BQ	Kos (RM)	Penemuan Audit
1	Kerja-Kerja Baik Pulih Dan Penyelenggaraan Paip Serta Kerja Berkaitan Di SMA Dato' Haji Tan Ahmad berjumlah RM185,368. Tempoh Kerja Siap: 8.6.2015-2.7.2015	<ul style="list-style-type: none"> Kerja-kerja mengikis semua lapisan cat pada setiap kepingan tangki sebelum menerima cat baru. Kerja-kerja membekal 1 lapisan <i>under coat</i> untuk kepingan tangki jenis tahan karat. Kerja-kerja membekal dan menyapu 2 lapisan cat kalis karat dan tahan panas pada kepingan tangki. 	3,000 6,000 8,000	Kepingan atas permukaan tangki tidak dicat. Gambar 2.6 dan Gambar 2.7
2	Kerja-Kerja Pendawaian Semula Tingkat 1 Dan 2 Bangunan Asrama Lelaki Serta Kerja Berkaitan Di SMA Dato' Klana Petra Maamor berjumlah RM114,814. Tempoh Kerja Siap: 1.6.2015-6.7.2015	<ul style="list-style-type: none"> Mata lampu l/d suis kutub tunggal terlitup logam 10A menggunakan kabel 2x1.5mm persegi l/d kabel perlindungan (50 nos). Mata lampu l/d dua suis kutub tunggal terlitup logam 10A 2 hala menggunakan kabel 2x1.5mm persegi l/d kabel perlindungan (26 nos). Lengkapan pendarfluor dengan balast damar polyester jenis kehilangan rendah 6w atau kurang l/d tiub, pemula dan pemuat faktor kuasa jenis 1x36w (29 nos). Lengkapan pendarfluor dengan balast damar polyester jenis kehilangan rendah 6w atau kurang l/d tiub, pemula dan pemuat faktor kuasa jenis 2x36w (36 nos). Membekal dan memasang <i>sub main</i> di dalam <i>trunking</i> bergalvani (kabel 65 meter dari MSB ke tingkat 2 & kabel 45 meter dari MSB ke tingkat 1). 	450 2,730 1,450 3,060 4,400	<ul style="list-style-type: none"> <i>Trunking</i> dan kabel <i>sub main</i>, suis lampu, konduit elektrik serta lampu yang lama tidak ditukar baru. Bilangan sebenar tidak dapat ditentukan disebabkan tiada lukisan akhir (<i>as per built drawing</i>) Gambar 2.8
3	Kerja Pendawaian Semula Dewan Makan Serta Kerja Berkaitan Di SMA Dato' Haji Mustafa Berjumlah RM59,088. Tempoh Kerja Siap: 10.6.2013-19.7.2013	Peti agihan (DB) dan MSB: <ul style="list-style-type: none"> Peti agihan terlitup logam untuk DB ruang makan. Peti agihan terlitup logam untuk DB ruang masak. Peti agihan terlitup logam untuk DB ruang makan luar. Membekal dan memasang kabel di dalam <i>trunking</i> bergalvani: <ul style="list-style-type: none"> 2x16mm persegi l/d pengalir perlindungan dari MSB ke DB ruang masak (15 meter). 2x16mm persegi l/d pengalir perlindungan dari MSB ke DB ruang makan dalam (20 meter). 	3,900 3,900 1,800 770 960	Satu pemasangan DB sahaja iaitu di ruang masak. Gambar 2.9 Pemasangan kabel sepanjang 20m dan 35m bagi DB ruang makan dalam dan ruang makan luar tidak dibuat.

Bil.	Nama Dan Kos Projek	Skop Kerja Mengikut BQ	Kos (RM)	Penemuan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> • 2x16mm persegi l/d pengalir perlindungan dari MSB ke DB ruang makan luar (35 meter). 	1,530	
		Membekal dan memasang: <ul style="list-style-type: none"> • 19 unit kipas lekapan dinding 400mm (16") g.p. • 15 unit kipas siling bersaiz 1524mm (60") g.p l/d pengatur, rod gantung, ciri-ciri pemutus penyambung bekalan dan alat-alat lengkap yang diperlukan. 	4,180 3,000	2 unit kipas dinding dan 1 unit kipas siling tidak dipasang.
Jumlah			49,130	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.6
Perbezaan Kawasan Atas Tangki Tidak Dicat Dan Tepi Tangki Yang Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Hj Tan Ahmad, Jelebu
Tarikh: 19 Mei 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Hj Tan Ahmad, Jelebu
Tarikh: 19 Mei 2016

Gambar 2.8
Trunking Dan Kabel Tidak Ditukar Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Klana Petra Maamor,
Seremban
Tarikh: 16 Mei 2016

Gambar 2.9
1 DB Sahaja Dipasang Di Ruang Masak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Haji Mustafa, Batu Kikir
Tarikh: 18 Mei 2016

- b. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, JHEAINS telah membuat semakan semula di lokasi projek dan telah menghubungi kontraktor untuk menyelesaikan baki kerja seperti yang telah ditetapkan di dalam BQ.**

2.4.4.3 Projek Siap Tidak Digunakan

Projek yang telah siap hendaklah digunakan bagi memastikan ia tidak menyumbang kepada pembaziran dan objektif perolehan dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran. Lawatan Audit mendapati 2 projek yang telah siap tidak digunakan seperti berikut:

a. Tangki Air Yang Telah Dibaiki Tidak Digunakan

- i. Kerja-kerja Baik Pulih Dan Penyelenggaraan Paip Serta Kerja Lain Berkaitan berjumlah RM196,343 di SMA Dato' Haji Mustafa telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2015. Kerja ini dilaksanakan bertujuan bagi membaiki satu daripada 2 tangki sedia ada supaya dapat berfungsi dengan baik. Lawatan Audit mendapati tangki yang telah dibaiki masih tidak dapat digunakan disebabkan oleh sistem pam automatik rosak. Tangki air dan sistem pam automatik yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.11**. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak sekolah bahawa sistem pam automatik telah rosak sebelum kerja pembaikan tangki dilaksanakan. Bagaimanapun, semasa lawatan tersebut, JHEAINS memaklumkan bahawa kerja pembaikan sistem pam automatik tersebut tidak dimasukkan ke dalam BQ disebabkan kos pembaikan yang tinggi dan tumpuan kerja hanya bagi memastikan tangki tersebut dapat menyimpan air mengikut kapasiti yang ditetapkan.

Gambar 2.10
Tangki Air Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Haji Mustafa
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 2.11
Sistem Pam Automatik Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Dato' Haji Mustafa
Tarikh: 18 Mei 2016

- ii. Pihak Audit mendapati JHEAINS telah membuat pemasangan paip secara terus tanpa melalui tangki seperti yang sepatutnya. Berdasarkan pemeriksaan Audit, paras air di dalam tangki adalah rendah. Namun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah kapasiti air sebenar di dalam tangki disebabkan oleh alat pengukur aras air di tangki telah rosak. Situasi ini menyebabkan tangki yang dibaiki tidak dapat digunakan sepenuhnya dan ini akan mendedahkan kepada risiko terputusnya bekalan air kerana tiada simpanan air di dalam tangki pada masa hadapan.

- iii. Aduan secara bertulis mengenai kerosakan sistem pam automatik tersebut telah dikemukakan oleh pihak sekolah kepada JHEAINS pada 22 September 2015 dan 12 April 2016. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan tiada tindakan susulan daripada pihak JHEAINS memandangkan ia bukan di dalam skop pembaikan.
- iv. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, sistem pam automatik tidak dirancang untuk dilaksanakan setelah kerja utama iaitu penutupan satu tangki siap dan ia adalah objektif utama projek. JHEAINS telah mengemukakan surat kepada JKRNS berkenaan masalah ini memandangkan JKRNS mempunyai kepakaran mekanikal. JKRNS telah mengadakan lawatan dan akan mengemukakan laporan berserta anggaran kos kepada JHEAINS.**

b. Rumah Sampah Tidak Digunakan

- i. Kerja-kerja Pembinaan Rumah Sampah Serta Kerja Berkaitan berjumlah RM48,700 di Maahad Ahmadi, Gemencheh telah siap dibina pada bulan November 2013. Lawatan Audit pada 17 Mei 2016 mendapati ia tidak pernah digunakan sejak pembinaannya siap seperti di **Gambar 2.12**. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pentadbir Cawangan SWM Tampin bahawa rumah sampah tersebut tidak digunakan disebabkan keadaan jalan yang agak curam dan berbukit serta laluan yang sempit menyukarkan lori sampah membuat kutipan.



Gambar 2.12
Rumah Sampah Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Ahmadi, Gemencheh
Tarikh: 17 Mei 2016

- ii. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, JHEAINS telah mengadakan rundingan bersama pihak sekolah dan mencadangkan supaya bangunan tersebut dijadikan sebagai stor sukan bersesuaian dengan saiz dan lokasi yang berhampiran padang sekolah.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek pembaikan sekolah agama adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerja yang tidak mengikuti spesifikasi piawaian umum dan peruntukan tambahan perlu disediakan bagi kerja yang tidak dilaksanakan. Selain itu, perancangan dan pemantauan yang kurang teliti oleh JHEAINS telah menyebabkan terdapat projek yang telah siap tidak digunakan. Ini menyebabkan ia

tidak dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah dan berlaku pembaziran terhadap dana yang telah dilaburkan oleh Kerajaan.

2.4.5. Pengurusan Perolehan

Bagi melaksanakan projek pembinaan dan pembinaan di SMAN dan SABK, JHEAINS tertakluk kepada peraturan sedia ada yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap dokumen perolehan projek pembinaan dan pembinaan SMAN dan SABK di JHEAINS mendapati beberapa kelemahan dan peraturan yang tidak dipatuhi seperti berikut:

2.4.5.1. Tidak Melaksanakan *Integrity Pact*

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2010 dan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), PK1 Perenggan 5, bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan, semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact*. Semakan Audit mendapati JHEAINS tidak melaksanakan *Integrity Pact* secara menyeluruh bagi perolehan pembinaan dan pembinaan di SMAN dan SABK bagi tahun 2013 hingga 2015. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, penguatkuasaan penggunaan *Integrity Pact* secara menyeluruh hanya dibuat mulai September 2015.**

2.4.5.2. Borang Inden Manual Tidak Menggunakan Format 1PP

JHEAINS ada menggunakan Borang Inden manual bagi beberapa projek di bawah Akaun Amanah SABK. Semakan Audit mendapati ia tidak mengikut format yang ditetapkan dalam 1PP PK2 Lampiran 2.16. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, JHEAINS akan menggunakan Borang Inden manual mengikut 1PP PK2 mulai bulan Ogos 2016.**

2.4.5.3. Borang Inden Elektronik Yang Dibatalkan Telah Digunakan Bagi Tujuan Pengesahan Kerja Dan Bayaran

Borang Inden Kerja manual telah dikeluarkan bagi menggantikan 6 Inden Kerja elektronik yang telah dibatalkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ia tidak digunakan dan JHEAINS menggunakan Inden Kerja elektronik yang telah dibatalkan bagi tujuan pengesahan bayaran. Amalan ini hendaklah dihentikan kerana tidak mematuhi prosedur kewangan Kerajaan. **Mengikut maklum balas JHEAINS bertarikh 2 September 2016, JHEAINS akan memastikan perkara ini tidak berulang. Perkara ini berlaku kerana terdapat perubahan penggunaan borang inden SPEKS bagi projek bina baru bangunan yang tempoh siap melangkaui tahun semasa.**

Pada pendapat Audit, prosedur perolehan bagi projek pembinaan dan pembinaan sekolah agama adalah memuaskan. Bagaimanapun, JHEAINS perlu memastikan semua peraturan pembayaran dipatuhi.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan projek pembinaan dan pembaikan sekolah agama, adalah disyorkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS) mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Meningkatkan kualiti pemantauan kerja dan menyediakan laporan pemantauan tapak bagi mengelakkan berlakunya kelewatan. Pegawai juga perlu memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi piawaian umum yang ditetapkan. Pengurusan sistem aduan dan pemantauan perlu ditambah baik bagi kerja-kerja yang masih dalam tempoh kecacatan.

2.5.2. Memastikan kerja pengukuran semula dijalankan dengan teliti bagi mengelakkan berlakunya lebihan pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Perancangan yang teliti dibuat terlebih dahulu bagi memastikan kerja-kerja pemberian dilaksanakan mengikut objektif ditetapkan dan mengelakkan berlakunya pembaziran.

MAJLIS DAERAH JEMPOL

MAJLIS DAERAH TAMPIN

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Daerah Jempol (MDJL) dan Majlis Daerah Tampin (MDT) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara matlamat utama PBT adalah menyedia dan menyenggara kemudahan dan infrastruktur awam serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif ini, MDJL dan MDT antaranya perlu melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja sama ada menggunakan kaedah secara pembelian terus, sebut harga, dan tender. Majlis ada menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan disalurkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS). Tatacara Perolehan PBT adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa.

3.1.2. Pada tahun 2013 hingga 2015, MDJL dan MDT telah melaksanakan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM55.74 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 318 perolehan berjumlah RM39.18 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga. Manakala sebanyak 4,838 perolehan berjumlah RM10.07 juta dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus serta 3 perolehan dilaksanakan melalui kaedah tender berjumlah RM6.49 juta. Bilangan perolehan dan kos yang dibelanjakan mengikut jenis perolehan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Dan Jumlah Perolehan Di MDJL Dan MDT Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	PBT	Tahun	Jenis Perolehan						Jumlah		
			Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender				
(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)		
1	MDJL	2013	1,408	2.06	45	6.98	-	-	1,453	9.04	
		2014	1,285	2.01	76	6.42	1	3.55	1,362	11.98	
		2015	875	1.96	50	8.60	-	-	925	10.56	
Jumlah			3,568	6.03	171	22.00	1	3.55	3,740	31.58	
2	MDT	2013	454	1.34	55	7.86	-	-	509	9.20	
		2014	503	1.90	52	7.19	1	1.00	556	10.09	
		2015	313	0.80	40	2.13	1	1.94	354	4.87	
Jumlah			1,270	4.04	147	17.18	2	2.94	1,419	24.16	
Jumlah Keseluruhan			4,838	10.07	318	39.18	3	6.49	5,159	55.74	

Sumber: MDJL dan MDT

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MDJL dan MDT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai matlamatnya serta mematuhi undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus di MDJL dan MDT bagi tahun 2013 hingga 2015. Pihak Audit telah memilih 298 perolehan pembelian terus, 47 perolehan sebut harga dan 2 perolehan tender di MDJL dan MDT sebagai sampel bagi tujuan meneliti elemen pengurusan serta pematuhan spesifikasi dan peraturan serta pemeriksaan fizikal. Temu bual turut dilakukan dengan pegawai yang bertanggungjawab. *Exit Conference* bersama-sama Yang Dipertua Majlis, Setiausaha dan Pegawai Kanan MDJL dan MDT telah diadakan masing-masing pada 25 Julai 2016 dan 10 Ogos 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan oleh MDJL dan MDT adalah baik. Proses perolehan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan antaranya melaksanakan kajian pasaran dalam perolehan, Jawatankuasa Sebut Harga diwujudkan dan perolehan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Bagaimanapun, terdapat beberapa kes yang ditemui tidak mematuhi prosedur perolehan seperti berikut:

- Perbelanjaan melebihi peruntukan perolehan yang dirancang.
- Perolehan sebut harga dibuat secara pecah kecil.
- Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) lewat dikeluarkan.
- Tiada bukti semakan Penasihat Undang-undang (PUU) terhadap kontrak formal bagi perkhidmatan bermasa.
- Tiada perjanjian disediakan untuk melantik Operator Pengelola bagi menguruskan projek.

3.4.1. Prestasi Perolehan

3.4.1.1. Setiap tahun, PBT diminta untuk menyediakan bajet dan memastikan bajet yang disediakan tidak mengalami defisit dan melaksanakan perbelanjaan secara berhemah. Semua PBT hendaklah membuat perancangan perolehan dan memastikan perbelanjaan sebenar tidak melebihi bajet yang telah diluluskan melalui penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 (1PP PK2.1). Bagi tahun 2013 hingga 2015, MDJL dan MDT

masing-masing telah menerima peruntukan sejumlah RM31.53 juta dan RM24.15 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis dengan jumlah keseluruhan bagi tempoh 3 tahun tersebut RM55.68 juta. Pihak Audit mendapati MDJL tidak menyediakan PPT sepanjang tempoh 2013 hingga 2015. Sejumlah RM31.58 juta atau 100.2% telah dibelanjakan melebihi peruntukan yang diluluskan oleh MDJL melibatkan 3,740 perolehan. Bagi MDT pula, pihak Audit mendapati PPT ada disediakan dan sejumlah RM24 juta diperuntukkan bagi perancangan perolehan. Bagaimanapun, sejumlah RM24.16 juta atau 100.7% telah dibelanjakan melibatkan 1,419 perolehan melebihi PPT yang dirancang.

3.4.1.2. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 3,568 atau 95.4% perolehan di MDJL adalah melalui kaedah pembelian terus yang melibatkan sejumlah RM6.03 juta atau 19.1% daripada jumlah perbelanjaan. Bagi kaedah sebut harga pula, sebanyak 171 atau 4.6% perolehan berjumlah RM22 juta atau 69.7% telah dibelanjakan dan satu perolehan secara tender bernilai RM3.55 juta atau 11.2%. Manakala, bagi MDT pula, sebanyak 1,270 atau 89.5% perolehan berjumlah RM4.04 juta atau 16.7% adalah melalui kaedah pembelian terus dan 147 atau 10.4% perolehan berjumlah RM17.18 juta atau 71.1% perbelanjaan adalah melalui kaedah sebut harga. Hanya dua perolehan secara tender bernilai RM2.94 juta atau 12.2% telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2.**

Jadual 3.2
Kaedah Perolehan Di MDJL Dan MDT Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

PBT	Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan	Peratus (%)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDJL	Pembelian Terus	3,568	95.4	6.03	19.1
	Sebut Harga	171	4.6	22.00	69.7
	Tender	1	0	3.55	11.2
Jumlah		3,740	100	31.58	100
MDT	Pembelian Terus	1,270	89.5	4.04	16.7
	Sebut Harga	147	10.4	17.18	71.1
	Tender	2	0.1	2.94	12.2
Jumlah		1,419	100	24.16	100

Sumber: MDJL dan MDT

Pada pendapat Audit, PPT hendaklah disediakan seperti yang telah ditetapkan di dalam prosedur perolehan kerajaan dan PBT hendaklah memastikan pembudayaan perbelanjaan berhemah diamalkan supaya perbelanjaan sebenar tidak melebihi peruntukan dan PPT yang disediakan. Pelaksanaan perolehan di MDJL dan MDT adalah memuaskan memandangkan kedua-dua PBT telah melaksanakan perolehan secara sebut harga dan tender berbanding perolehan secara pembelian terus masing-masing 80.9% dan 83.3% daripada keseluruhan peruntukan.

3.4.2. Proses Perolehan

Semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus, sebut harga atau tender berdasarkan had nilai dan peraturan yang telah ditetapkan. Dalam

melaksanakan perolehan yang telah dirancang, MDJL dan MDT telah menerima pakai kaedah perolehan sebagaimana kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Perbendaharaan (AP), 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) berkaitan pengurusan perolehan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri. Secara keseluruhannya, 97% (196 daripada 202) perolehan di MDJL dan 93.4% (141 daripada 151) perolehan di MDT telah dibuat mengikut tatacara perolehan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender mendapati MDJL dan MDT telah membuat kajian pasaran dalam membuat perolehan, memberi keutamaan kepada barang tempatan serta perolehan dibuat oleh pegawai yang telah diberikan kuasa secara bertulis kecuali perkara berikut:

3.4.2.1. Perolehan Sebut Harga Dibuat Secara Pecah Kecil

- Berdasarkan AP 173.1, pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan, sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Manakala SPP Bil. 1 Tahun 2014 dan 1PP PK2.1 mentafsirkan bahawa Pembelian Terus adalah perolehan bekalan atau perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Perolehan perbelanjaan tahunan yang melebihi RM20,000 hingga RM50,000 hendaklah dibuat menggunakan kaedah perolehan secara sebut harga. Peraturan perolehan Kerajaan juga menyatakan sebarang perolehan secara pecah kecil adalah dilarang.
- Semakan Audit mendapati berlaku pecah kecil bagi perolehan secara pembelian terus di MDJL yang sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga memandangkan jumlah perolehan tahunannya telah melebihi RM50,000 melibatkan 3 baucar bertarikh 2 Julai 2015 yang dikeluarkan secara berturutan kepada pembekal yang sama dan pada tarikh yang sama. Perolehan tersebut dibuat bagi tujuan semaihan iaitu anak pokok, batu hiasan dan pasu bunga berjumlah RM56,493 seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Perolehan Satu Jenis Item Daripada Pembekal Yang Sama

PBT	No. Ruj. Baucar	Tarikh	Perihal	Jumlah (RM)
MDJL	A001110/2015	2.7.2015	Bayaran Pembelian Anak Pokok	21,142
	A001111/2015	2.7.2015	Membebalkan Pasu Bunga	30,051
	A001112/2015	2.7.2015	Bayaran Pembelian Batu Hiasan	5,300
Jumlah				56,493

Sumber: MDJL

- Maklum balas MDJL bertarikh 25 Julai 2016, pihaknya ambil maklum akan kesilapan membuat perolehan pembelian terus melebihi had ditetapkan. Tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi mengelakkan ia berulang.**

3.4.3. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) Lewat Dikeluarkan

3.4.3.1. Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi 3, Bab 13.2.2 menyatakan Pegawai Penguasa (PP) hendaklah menjalankan satu pemeriksaan dengan pihak kontraktor dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan notis bertulis (Perakuan Siap Kerja) daripada kontraktor. PP juga hendaklah berpuas hati bahawa kesemua ujian dan petaulahan telah dijalankan dan telah lulus menurut peruntukan kontrak. Apabila kerja telah disiapkan ke satu tahap yang memenuhi kriteria maka Perakuan Siap Kerja bolehlah dikeluarkan oleh PP.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati CPC bagi 4 perolehan kerja secara sebut harga bagi tahun 2013 dan 2015 lewat dikeluarkan di antara 33 hari hingga 55 hari dari tarikh CPC sepatutnya dikeluarkan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.4**.

3.4.3.3. Pihak Audit mendapati di MDT, proses mengeluarkan CPC hanya dibuat setelah menerima notis permohonan kerja siap oleh kontraktor yang lengkap selepas tempoh kontrak tamat. Amalan ini hendaklah dihentikan memandangkan pegawai projek bertanggungjawab membuat penilaian kemajuan projek dalam tempoh 14 hari sebelum tempoh kontrak tamat bagi menentukan sama ada Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC), Lanjutan Masa (EOT) atau Ganti Rugi Yang Ditentu Dan Ditetapkan (LAD) dikeluarkan kepada kontraktor.

Jadual 3.4
Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) Lewat Dikeluarkan

Bil.	No. Sebut Harga	Perihal Sebut Harga	Jumlah Kos Projek (RM)	Perakuan Siap Kerja		Tempoh Kelewatan CPC Dikeluarkan (Hari) (b-a)
				Tarikh Siap Di CPC (a)	Tarikh CPC Dikeluarkan (b)	
2013						
1	SH(P) 25/2013	Menaik taraf tembok penahan tebing runtuh di belakang gerai Taman Sentosa, Gemas dll. kerja berkaitan.	285,288	7.6.13	12.7.13	35
2	SH(N) 21/2013	Menaik taraf Kawasan Pelancongan Kolam Air, Tampin dll. kerja berkaitan.	184,865	24.5.13	18.7.13	55
2015						
1	SB-MDT 03/2015	Cadangan Membaiki Gerai Di Pekan Tampin.	20,000	16.12.15	18.1.16	33
2	SH(P) 19/2015	Cadangan menaik taraf pejalan kaki sedia ada kepada mesra OKU dari Dewan Bandaran Tampin sehingga ke Dewan Serbaguna dll. kerja berkaitan.	37,200	19.8.15	30.9.15	42
3	SH(P) 39/2015	Menaik taraf Gerai Taman Sentosa, Gemas, MD Tampin.	296,800	CNC/CPC belum dikeluarkan.		213

Sumber: MDT

3.4.3.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati CPC dan CNC tidak dikeluarkan bagi perolehan kerja menaiktaraf Gerai Taman Sentosa, Gemas berjumlah RM296,800 walaupun tarikh akhir projek sepatutnya siap pada 28 Disember 2015. Selain itu, tiada bukti salinan CPC dan CNC difailkan di dalam fail projek tersebut semasa semakan Audit dijalankan. Lawatan Audit pada 15 Jun 2016, mendapati kerja-kerja menaik taraf gerai

tersebut telah selesai dan gerai tersebut telah disewakan seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1

**Kerja Menaik Taraf Gerai Taman Sentosa, Gemas
Yang Telah Siap Sepenuhnya Dan Telah Diduduki**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Taman Sentosa, Gemas
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Taman Sentosa, Gemas
Tarikh: 15 Jun 2016

3.4.3.5. Maklum balas MDT bertarikh 28 September 2016 menyatakan, pihaknya ambil maklum akan kesilapan tidak memantau perjalanan siap projek sehingga berlaku kelewatan CPC sepatutnya dikeluarkan. Selepas teguran Audit, CNC beserta denda telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor bermula tamat tempoh siap asal sehingga kerja siap sepenuhnya kerana tiada permohonan EOT diterima. Selain itu, CPC juga telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 9 Ogos 2016.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap projek di MDT perlu ditingkatkan bagi memastikan semua perolehan dan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi sepenuhnya prosedur yang ditetapkan.

3.4.4. Pentadbiran Kontrak

3.4.4.1. Tiada Bukti Semakan Penasihat Undang-undang (PUU) Terhadap Kontrak Formal Bagi Perkhidmatan Bermasa

- a. Arahan Perbendaharaan 176.1 (c) menyatakan semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa perlu disediakan kontrak formal walaupun nilai perolehan tersebut kurang daripada RM50,000. Arahan Perbendaharaan 204 berkenaan dengan syarat-syarat kontrak hendaklah dipatuhi termasuk pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan seperti digariskan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 dan 1PP PK1.
- b. Semakan Audit terhadap 5 kontrak bagi perkhidmatan bermasa di MDJL bernilai RM408,104 dan 1 kontrak di MDT bernilai RM36,152 mendapati tiada bukti semakan daripada pihak PUU terhadap kontrak yang disediakan oleh pihak pembekal.

Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada pelaksanaan *Integrity Pact* iaitu klausa pencegahan rasuah dimasukkan dalam kontrak perjanjian. Dokumen kontrak terlibat adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Nilai Perolehan Bagi Kontrak Perkhidmatan Bermasa Yang Tiada Semakan PUU

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bil.	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)
MDJL				
1	Kawalan Keselamatan Bangunan Pejabat MDJL	1	1.3.2014 - 28.2. 2016	175,680
2	Kawalan Keselamatan Bersenjata Bagi Mengambil dan Menghantar Hasil Kutipan Harian MDJL	2	1.7.2012 - 30.6.2016	96,499
3	Penyenggaraan Mesin Franking	3	1.2.2013 - 31.1.2016	3,225
4	Pewangi Pejabat dan Feminine Hygiene Bin	2	Nov. 2013 - Okt. 2017	39,915
5	Sewaan Mesin Fotostat	10	11.11.2009 - 31.10.2018	92,785
Jumlah				408,104

Sumber: MDJL

- c. **Maklum balas MDJL bertarikh 27 Sepember 2016**, pihak Majlis mengakui tiada bukti pengesahan perjanjian berkenaan dibuat oleh PUU Majlis. Pada masa ini, PUU Majlis telah menyemak setiap perjanjian/kontrak yang dikeluarkan dan diguna pakai oleh Majlis. Klausa berkenaan dengan *Integrity Pact* juga telah dimasukkan dalam setiap perjanjian. **Maklum balas MDT bertarikh 25 Ogos 2016**, pihak Majlis mengakui tiada rekod menunjukkan perjanjian berkenaan telah melalui semakan PUU Majlis. Pihak Majlis juga telah mendapatkan salinan perjanjian sewaan mesin pencetak daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan yang akan digunakan sebagai draf perjanjian antara pihak Majlis dan pembekal.

3.4.4.2. Perjanjian Formal Tidak Disediakan Bagi Melantik Operator Pengelola Menguruskan Projek

- a. Pada tahun 2013, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), SUKNS telah memberi peruntukan berjumlah RM184,865 kepada MDT bagi projek Menaik Taraf Kawasan Pelancongan Kolam Renang Gunung Tampin, Tampin. Projek ini telah siap sepenuhnya dan CPC telah dikeluarkan pada 24 Mei 2013.
- b. Bagi pelantikan Operator Pengelola, pihak Majlis telah menawarkan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan MDT untuk menguruskan Kolam Renang Gunung Tampin termasuk urusan penyenggaraan kolam tersebut. Keputusan ini dicapai melalui Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 15/2011 pada 14 November 2011. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada Operator Pengelola bertarikh 17 Januari 2012.
- c. Semakan Audit mendapati surat tawaran ini tidak disertakan dengan satu perjanjian lengkap antaranya mengenai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Operator

Pengelola, skop perkhidmatan yang perlu ditawarkan dan bayaran yang sepatutnya diterima oleh MDT. Sehingga tahun 2015, sejumlah RM54,030 telah dikutip oleh pihak Operator Pengelola. Butiran hasil kutipan oleh Operator Pengelola bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Hasil Kutipan Aktiviti Kolam Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Pendapatan (RM)
2013	30,064
2014	4,390
2015	19,576
Jumlah	54,030

Sumber: MDT

- d. Lawatan Audit pada 15 Jun 2016 mendapati tiada pekerja yang bertugas menguruskan kolam berkenaan dan kerja-kerja penyenggaraan oleh operator pengelola adalah kurang memuaskan. Antaranya pam peralatan permainan air tidak berfungsi, kolam tidak disenggarakan dengan sempurna, bahu jalan yang runtuh dan kawasan sekitar tidak terurus. Keadaan Kolam Renang Gunung Tampin adalah seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.6**.

Gambar 3.3

Pam Peralatan Permainan Air Yang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kolam Renang Gunung Tampin, Tampin
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 3.4

Kolam Tidak Disenggarakan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kolam Renang Gunung Tampin, Tampin
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 3.5

Bahu Jalan Yang Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolam Renang Gunung Tampin, Tampin
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolam Renang Gunung Tampin, Tampin
Tarikh: 22 Ogos 2016

- e. **Maklum balas MDT bertarikh 28 September 2016, pihak Majlis mengakui tiada perjanjian pengelolaan yang sempurna terhadap pengurusan Taman Rekreasi Kolam Renang Gunung Tampin bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Pihak Majlis telah mengeluarkan surat penamatan pengurusan taman rekreasi tersebut kepada pengelola pada 17 Ogos 2016 yang berkuatkuasa 31 Ogos 2016 dan mengambil alih pengurusan Kolam Renang Gunung Tampin.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak di MDJL dan MDT kurang memuaskan. Semua draf kontrak perjanjian hendaklah dirujuk kepada PUU bagi memastikan terma kontrak mencukupi bagi membolehkan penguatkuasaan dibuat kepada pihak kontraktor. Semua obligasi oleh pihak kontraktor hendaklah dipastikan telah dilaksanakan sepenuhnya setimpal dengan hasil yang telah dikutip berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Majlis Daerah Jempol (MDJL) dan Majlis Daerah Tampin (MDT) mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Memastikan peraturan berkaitan tatacara perolehan dipatuhi termasuk mengelakkan berlaku pecah kecil. Semua prosedur kelulusan diperoleh daripada pihak berkuasa melulus seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan, undang-undang dan akta.

3.5.2. Kontrak formal yang mengandungi terma kontrak yang lengkap disediakan bagi membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan sekiranya berlaku pelanggaran terma kontrak, tuntutan mahkamah oleh pihak luar seterusnya menjamin kepentingan Kerajaan dilindungi sepenuhnya.

YAYASAN NEGERI SEMBILAN

4. KUMPULAN AKADEMI YNS SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS) yang dahulunya dikenali sebagai Ganda Akademik Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM3.6 juta. KAYNS ditubuhkan pada 22 Julai 1993 dan mempunyai 3 Institusi Latihan Kemahiran yang mendapat pentaulahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS), Institut Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (IPPNS) dan Institut Pengurusan Dan Perindustrian Yayasan Negeri Sembilan (IPPYNS). ITYNS beroperasi pada tahun 1997 setelah pengambilalihan Negri Agro Industrial Training Complex (NAITC) manakala IPPNS serta IPPYNS beroperasi masing-masing pada tahun 2008 dan 2013.

4.1.2. Antara objektif penubuhan KAYNS adalah menyediakan sistem pembelajaran berasaskan kemahiran dalam pelbagai bidang mengikut piawaian Jabatan Pembangunan Kemahiran dan memberi latihan kemahiran bagi melahirkan modal insan berinovatif serta berdaya saing. Visi KAYNS adalah untuk menjadi institut kemahiran nombor satu di Negeri Sembilan dan antara 10 buah institut kemahiran terbaik di Malaysia. KAYNS menawarkan 20 program pengajian peringkat Sijil dalam pelbagai bidang kemahiran terbuka kepada pelajar lepasan PMR, SPM/SPMV, Sijil, Diploma dan Ijazah serta belia/beliawanis.

4.1.3. Ahli Lembaga Pengarah KAYNS adalah terdiri daripada 6 orang ahli dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban. Pengurusan dan operasi KAYNS diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif dan dibantu oleh 3 orang Pengurus Institut serta 92 orang kakitangan yang ditempatkan di pelbagai Bahagian/Institut. Sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad, KAYNS adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Penubuhan, amalan terbaik berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, Peraturan Perkhidmatan Untuk Kakitangan KAYNS, Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan KAYNS serta peraturan dalaman lain yang dikeluarkan oleh KAYNS dari semasa ke semasa.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KAYNS adalah memuaskan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat KAYNS ini meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KAYNS bagi tempoh 2013 hingga 2015. Analisis kewangan adalah berdasarkan pernyataan kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan serta pemeriksaan Audit terhadap aset. Selain itu, temu bual dengan pegawai KAYNS dan lawatan tapak juga turut dijalankan bagi mendapat gambaran yang tepat mengenai aktiviti syarikat. *Exit Conference* bersama Ketua Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan KAYNS telah diadakan pada 5 April 2016.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2016 mendapati kedudukan kewangan KAYNS adalah baik berdasarkan prestasi keuntungan terkumpul yang meningkat pada setiap tahun di mana kedudukan keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2015 adalah RM4.42 juta. Prestasi pelaksanaan pengurusan kewangan syarikat juga adalah baik. Manakala, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masing-masing adalah memuaskan. Pengambilan pelajar sebenar tidak mencapai sasaran ditetapkan, tiada perjanjian disediakan kepada pelajar dan peningkatan tunggakan bayaran sewa. Dari sudut tadbir urus korporat pula, Mesyuarat Agung Tahunan perlu diadakan sekali setiap tahun serta memuktamadkan draf dokumen Rancangan Strategik dan *Key Performance Indicator* (KPI).

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. KAYNS telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu masing-masing berjumlah RM110,075 (2013), RM2.63 juta (2014) dan RM220,205 (2015) menjadikan keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM4.42 juta. Peningkatan keuntungan yang tinggi pada tahun 2014 antaranya disebabkan peningkatan kutipan yuran dan peningkatan keuntungan program bersama Unit Pembangunan Negeri (UPEN) masing-masing sebanyak 64.6% dan 256.8% berbanding tahun 2013. Bagaimanapun berlaku penurunan keuntungan selepas cukai yang ketara pada tahun 2015 iaitu sebanyak 91.6%.

- b. Pendapatan KAYNS terdiri daripada kutipan yuran pelajar dan lain-lain pendapatan operasi seperti faedah simpanan tetap, tuntutan insurans dan hasil sewaan bas. Analisis Audit terhadap trend pendapatan KAYNS menunjukkan peningkatan pada tahun 2014 dengan jumlah RM3.76 juta (2013) kepada RM7.09 juta. Bagaimanapun, berlaku penurunan pendapatan sebanyak 20.5% pada tahun 2015 disebabkan penurunan keuntungan program bersama UPEN sejumlah RM1.45 juta berbanding tahun 2014. Yuran kursus pada tahun 2013 sejumlah RM3.72 juta telah meningkat sebanyak 33.6% kepada RM4.97 juta pada tahun 2014 dan seterusnya meningkat


sebanyak 3.0% kepada RM5.12 juta pada tahun 2015. Selain itu, KAYNS juga menerima geran daripada beberapa Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Pendidikan Anak – Anak Yatim Selangor, UPEN dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Bagaimanapun jumlah geran yang diterima oleh KAYNS telah menurun sebanyak 58% daripada sejumlah RM6.09 juta pada tahun 2013 kepada RM2.56 juta pada tahun 2014 dan terus menurun sebanyak 70.7% kepada RM0.75 juta pada tahun 2015.

- c. Perbelanjaan KAYNS pula terdiri daripada kos operasi dan kos kewangan. Kos operasi antaranya terdiri daripada perbelanjaan penggajian/emolumen kakitangan dan elau pengarah, susut nilai, bayaran juruaudit serta sewaan bangunan pejabat. Jumlah perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM3.65 juta, RM4.45 juta dan RM5.41 juta. Peningkatan perbelanjaan yang agak ketara pada tahun 2015 adalah disebabkan bayaran tunggakan sewaan bangunan pejabat/asrama pelajar sejumlah RM0.55 juta pada tahun 2015 berbanding RM442,000 pada tahun 2014. Selain itu, kos pekerja juga meningkat sebanyak 27.8% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan KAYNS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Keuntungan KAYNS
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun Kewangan		
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	3.72	6.98	5.60
Lain-lain Pendapatan	0.04	0.11	0.03
Jumlah Pendapatan	3.76	7.09	5.64
Kos Operasi	3.64	4.44	5.40
Kos Kewangan	0.01	0.01	0.01
Jumlah Perbelanjaan	3.65	4.45	5.41
Keuntungan Sebelum Cukai	0.11	2.64	0.22
Cukai	0.00	0.01	0.00
Keuntungan Selepas Cukai	0.11	2.63	0.22
Keuntungan Terkumpul	1.57	4.2	4.42

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS



Sumber: Penyata Kewangan KAYNS



Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KAYNS, beberapa nisbah kewangan telah dianalisis bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Hasil analisis Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Ke Atas Aset dan Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan KAYNS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2013	2014	2015
a	Nisbah Semasa	2.32:1	2.99:1	2.75:1
b	Margin Untung Bersih	3.0%	37.7%	4.0%
c	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.01:1	0.25:1	0.02:1
d	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.02:1	0.34:1	0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati 92.4% daripada aset semasa syarikat pada tahun 2013, 81.8% pada tahun 2014 dan 87.8% pada tahun 2015 adalah terdiri daripada penghutang perdagangan. Kadar nisbah semasa KAYNS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah antara 2.32 hingga 2.99. Berdasarkan analisis ini KAYNS mempunyai kemampuan membayai liabiliti jangka pendek dengan menggunakan kecairan aset semasa syarikat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Tahun	Aset Semasa (RM)	Liabiliti Semasa (RM)	Nisbah Semasa
2013	6,126,467	2,639,308	2.32:1
2014	8,675,265	2,905,212	2.99:1
2015	8,985,000	3,266,780	2.75:1

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih merupakan pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperoleh daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015, KAYNS telah menjana keuntungan antara 3.0% hingga 37.7% daripada setiap ringgit hasil pendapatan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Margin Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Tahun	Keuntungan/Kerugian Bersih (RM)	Jualan (RM)	Margin Keuntungan (%)
2013	110,075	3,721,297	3.0
2014	2,628,602	6,979,598	37.7
2015	221,694	5,607,807	4.0

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015, setiap RM1.00 aset KAYNS yang dilaburkan telah menjana pulangan antara RM0.01 hingga RM0.25. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Pulangan Ke Atas Aset Bagi
Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Tahun	Keuntungan/ Kerugian Bersih (RM)	Jumlah Aset (RM)	Pulangan Ke Atas Aset
2013	110,075	7,763,191	0.01:1
2014	2,628,602	10,657,697	0.25:1
2015	221,694	11,240,959	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan yang diperoleh oleh pemegang saham KAYNS adalah RM0.02 (2013), RM0.34 (2014) dan RM0.03 (2015) bagi setiap RM1.00 yang dilabur sebagai modal syarikat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Pulangan Ke Atas Ekuiti Bagi
Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Tahun	Keuntungan/ Kerugian Bersih (RM)	Jumlah Ekuiti (RM)	Pulangan Ke Atas Ekuiti
2013	110,075	5,123,883	0.02:1
2014	2,628,602	7,752,485	0.34:1
2015	221,694	7,974,179	0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan KAYNS

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan KAYNS adalah baik dengan trend keuntungan terkumpul yang meningkat setiap tahun dan kedudukan nisbah kewangan yang baik bagi tempoh 2013 hingga 2015.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Kegiatan utama KAYNS adalah perniagaan pendidikan yang menawarkan 20 program kemahiran di 3 buah institut iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS), Institut Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (IPPNS) dan Institut Pengurusan Dan Perindustrian Yayasan Negeri Sembilan (IPPYNS) masing-masing 8 program, 10 program dan 2 program. Had umur kemasukan pelajar ialah antara 16 tahun hingga 50 tahun. Pengambilan pelajar dibuat sebanyak 4 kali iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan November setiap tahun. Antara program yang ditawarkan adalah seperti Juruteknik Elektrik, Pelukis Pelan Senibina, Mekanik Kenderaan Motor, Juruteknik Sistem Komputer, Rekaan Fesyen dan Pengurusan Restoran, Penyediaan Makanan/Kulinari serta kursus jangka

pendek di bawah anjuran Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Sembilan. Pada tahun 2015, jumlah pendaftaran pelajar adalah 633 orang pelajar iaitu 344 di ITYNS, 247 di IPPNS dan 42 orang pelajar di IPPYNS. Pengauditan terhadap aktiviti utama KAYNS mendapatkan perkara seperti berikut:

4.4.2.1. Semua Program Yang Ditawarkan Mendapat Pentauliahan

Berdasarkan kepada Seksyen 23, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652), mana-mana penyedia latihan perlulah memohon kepada Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (Kementerian Sumber Manusia) untuk diluluskan program latihan kemahirannya sebagai suatu program bertauliahan dan memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan di Seksyen 23 (a) hingga Seksyen 23 (d) Akta yang sama. Semakan Audit mendapati semua program yang ditawarkan oleh KAYNS telah mendapat pentauliahan Kementerian Sumber Manusia dan masih di dalam tempoh pentauliahan berkuatkuasa.

4.4.2.2. Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran Ditetapkan

- KAYNS telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar setiap tahun dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KAYNS. Sasaran dibuat dengan merujuk kepada strategi pemasaran dan keuntungan semasa syarikat. Bagi tahun 2013 hingga 2015, KAYNS telah mensasarkan kemasukan pelajar baru antara 977 orang hingga 1,266 orang pelajar berdasarkan pengambilan pelajar sebanyak 4 kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan November. Prestasi kemasukan pelajar baru yang mendaftar berbanding sasaran yang ditetapkan adalah di antara 47.5% hingga 60.2% seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Prestasi Kemasukan Pelajar Baru Mendaftar Berbanding
Sasaran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Jumlah Pelajar		Perbezaan (a) – (b)	Pencapaian Pelajar Berdaftar (%)
	Sasaran (a)	Berdaftar (b)		
2013	977	464	513	47.5
2014	948	571	377	60.2
2015	1,266	633	633	50.0
Jumlah	3,191	1,668	1,523	52.3

Sumber: KAYNS

- b. Berdasarkan **Jadual 4.7**, berlaku peningkatan jumlah pelajar yang berdaftar pada tahun 2014 sejumlah 107 orang (23.1%) berbanding tahun 2013 dan jumlah ini terus meningkat kepada 633 orang pelajar pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 10.9% berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun secara keseluruhannya pencapaian sebenar pelajar yang berdaftar berbanding sasaran hanyalah 52.3%. Keadaan ini disebabkan oleh kekangan sumber dana dan geran yang diterima daripada Agensi Kerajaan/NGO pula telah berkurangan daripada RM6.09 juta pada tahun 2013 kepada RM2.56 juta pada tahun 2014 dan RM0.75 juta pada tahun 2015.
- c. Berdasarkan **Jadual 4.8**, program Pendawai (PW2) dan program Juruteknik Elektronik Industri-Peralatan adalah antara program yang paling kurang mendapat sambutan walaupun pelbagai inisiatif dan strategi pemasaran telah dilaksanakan. Antara aktiviti pemasaran yang telah dilaksanakan adalah seperti taklimat ke sekolah, *telemarketing*, pengeluaran surat tawaran melalui senarai nama Sijil Pelajaran Malaysia tahun sebelumnya, hebahan di laman sesawang YNS dan KAYNS serta media sosial *Facebook*, dan membuka *booth* di program anjuran Agensi Kerajaan. Sejumlah RM369,825 telah dibelanjakan oleh KAYNS pada tahun 2013 hingga 2015 bagi tujuan pemasaran melibatkan Jabatan Pemasaran KAYNS dan agensi pemasaran swasta seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.8
Pengambilan Pelajar Mengikut Program Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Program	Tahun 2013	Peningkatan/Pengurangan (%)	Tahun 2014	Peningkatan/Pengurangan (%)	Tahun 2015
1	Pelukis Pelan Senibina	23	-8.7	21	19	25
2	Juruteknik Elektrik	60	21.7	73	19.2	87
3	Pendawai (PW2)*	33	-48.5	17	TB	TB
4	Sistem Komputer	20	30	26	19.2	31
5	Juruteknik Elektronik Industri – Peralatan*	6	-	6	TB	TB
6	Pembuatan Pakaian Wanita	40	-12.5	35	37.1	48
7	Juruteknik Automatif	95	22.1	116	12.9	131
8	Pegawai Latihan Vokasional	31	-29	22	-	22
9	Pramusaji Tahap 1 dan Kapten Makanan Minuman Tahap 2	7	71.4	12	125	27
10	Penyelia Makanan dan Minuman Tahap 3	3	166.7	8	-50	4
11	Pembantu Dan Penyediaan Makanan Tahap 2	21	185.7	60	21.7	73
12	Pembantu dan Penyedia Makanan Tahap 1 Dan 2	35	-100	0	-	0
13	Pembantu Dan Penyediaan Makanan Tahap 3	20	145	49	-40.8	29
14	Pembuatan Pastri Tahap 2	29	69	49	-2	48
15	Pembuatan Pastri Tahap 3	9	200	27	-70.4	8
16	Operasi Khidmat Tetamu (Tahap 3)	26	-30.8	18	166.7	48
17	Perkhidmatan Penyediaan & Pembuatan Makanan (Tahap 4)	0	-	0	100	6
18	Pegawai Latihan Vokasional Tahap 3	6	33.3	8	-50	4
19	Elektronik Industri	0	100	24	75	42
20	Pengurusan Pejabat	TB	-	TB	-	Belum Mula
Jumlah		464	23.1	571	10.9	633

Sumber: Laporan Pendaftaran Pelajar KAYNS

Nota: * - Tidak Ditawarkan Pada Tahun 2015

Jadual 4.9
Perbelanjaan Pemasaran KAYNS Berbanding Jumlah Pelajar Yang Mendaftar
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Perbelanjaan Pemasaran Dan Jumlah Pelajar Yang Mendaftar				Jumlah Keseluruhan Kos Pemasaran (RM)
	Jabatan Pemasaran KAYNS (RM)	Jumlah Pelajar Mendaftar (Orang)	Agenzi Pemasaran Swasta (RM)	Jumlah Pelajar Mendaftar (Orang)	
2013	51,367	311	76,700	153	128,067
2014	31,802	415	78,350	156	110,152
2015	32,869	444	98,737	189	131,606
Jumlah	116,038	1,170	253,787	498	369,825

Sumber: KAYNS

- d. Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, pengunjuran pengambilan pelajar setiap tahun dibuat berdasarkan bajet yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan mengambil kira dana-dana yang akan diperolehi daripada Seksyen Pengagihan Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Keluarga Berpendapatan Rendah di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Selain itu juga KAYNS turut memohon kepada Pemuaafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), iaitu sebuah *Non Government Organization* (NGO) untuk mendapatkan sejumlah RM4.3 juta bagi membiayai 225 orang pelajar tetapi hanya memperoleh sejumlah RM0.9 juta bagi membiayai 60 orang pelajar.
- e. Selain itu juga, KAYNS memaklumkan antara kegagalan syarikat untuk mencapai sasaran kemasukan pelajar dari tahun 2013 hingga 2015 adalah disebabkan syarikat kekurangan dana kerana permohonan dana daripada Kementerian Belia Dan Sukan, Yayasan Strategik Sosial, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (Projek Kesejahteraan Rakyat), Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim Selangor (Rumah Bakti Dato' Harun) dan Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Teknikal Serta Vokasional gagal diperolehi.

Pada pendapat Audit, sasaran pelajar yang ditetapkan KAYNS hendaklah mengambil kira trend penerimaan peruntukan dana yang pernah diterima tahun sebelumnya dan pengambilan pelajar yang berjaya dicapai setiap tahun.

4.4.2.3. Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar Mengikut Syarat Pentauliahan

Mengikut Perkara 6.1. (b), Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 28, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652), nisbah bilangan pensyarah berbanding pelajar hendaklah bersesuaian dengan program yang ditawarkan. Secara amnya, nisbah maksima bagi seorang pensyarah adalah 25 orang pelatih bagi setiap

program. Semakan Audit terhadap purata nisbah bilangan pensyarah berbanding 607 pelajar mengikut Jabatan pada tahun 2015 adalah baik iaitu 1:14 seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar Bagi Tahun 2015

Bil.	Nama Institut	Jabatan	Bilangan Pelajar (Orang)	Bilangan Pensyarah (Orang)	Nisbah Sebenar Berbanding Pelajar
1	ITYNS	Elektrik	87	4	1:22
2	ITYNS	IT/ Multimedia	31	3	1:10
3	ITYNS	Automotif	131	8	1:16
4	ITYNS	Pelukis Pelan Senibina	25	2	1:13
5	ITYNS	Rekaan Fesyen	48	4	1:12
6	IPPNS	<i>Guest Service Operation</i>	48	2	1:24
7	IPPNS	Pengurusan Restoran	33	2	1:17
8	IPPNS	Pastri	56	6	1:09
9	IPPNS	Kulinari	106	7	1:15
10	IPPYNS	Pengurusan Pejabat *	0	1	1:00
11	IPPYNS	Elektronik Industri	42	3	1:14
Jumlah			607	42	1:14

Sumber: KAYNS

Nota: * - Tiada Pelajar Mendaftar Pada Tahun 2015

4.4.2.4. Prestasi Graduan Lulusan KAYNS

Berdasarkan objektif penubuhan KAYNS iaitu memberi latihan kemahiran bagi melahirkan modal insan berinovatif serta berdaya saing, KAYNS menjangkakan pelajar yang berdaftar akan menamatkan pengajian dengan jayanya dan menempatkan diri dalam industri yang bersesuaian dan mengikut bidang kemahirannya. Semakan Audit terhadap prestasi graduan lulusan KAYNS adalah seperti berikut:

a. Prestasi Pelajar Menamatkan Pengajian Adalah Sangat Baik

Analisis Audit terhadap prestasi pelajar yang lulus mengikut tahun pengajian dari tahun 2013 hingga 2015 adalah pada tahap 96.3%. Sejumlah 1,606 daripada 1,668 orang pelajar yang berdaftar telah berjaya menamatkan pengajian seperti di **Jadual 4.11**.


Jadual 4.11
Prestasi Bilangan Pelajar Mendaftar Dan Lulus Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Jumlah Pelajar		Perbezaan (Berhenti/Tangguh/Lanjut/Gagal) (Orang)	Peratusan Pelajar Lulus (%)
	Berdaftar (Orang)	Lulus (Orang)		
2013	464	451	(13)	97.20
2014	571	561	(10)	98.25
2015	633	594	(39)	93.84
Jumlah	1,668	1,606	(62)	96.28

Sumber: KAYNS

b. Laluan Kerjaya Graduan KAYNS

Analisis Audit terhadap Laporan Alumni KAYNS bagi status pekerjaan 903 orang graduan KAYNS sehingga akhir tahun 2015 yang berjaya dijejaki, mendapati 53% graduan berkhidmat di Sektor Swasta, 12% menyambung pengajian, 10.6% bekerja sendiri, 0.4% berkhidmat di Sektor Awam dan baki 24% tidak dapat mengenalpasti oleh KAYNS seperti di **Carta 4.3**.



c. Pemantauan Kualiti Graduan

KAYNS melalui Jabatan Hubungan Industri Dan Luar Syarikat telah dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti penempatan latihan industri pelajar graduan KAYNS semasa pelajar berada di semester akhir pengajian. Ini secara tidak langsung memudahkan laluan kerjaya pelajar dan KAYNS dapat memantau prestasi graduannya melalui maklum balas yang diterima daripada majikan.

Pada pendapat Audit, KAYNS telah memastikan graduan berpotensi untuk berdaya saing dalam sektor swasta dan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

4.4.2.5. Prestasi Kutipan Yuran Pelajar

- a. Yuran pelajar terdiri daripada yuran pendaftaran, yuran pengajian, yuran pengangkutan dan yuran asrama. Peraturan akademik KAYNS menetapkan pelajar bertanggungjawab membayar yuran yang ditetapkan sepanjang tempoh mengikuti program pengajian. Semakan Audit terhadap prestasi pembayaran yuran pelajar berdaftar bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati peratusan yuran yang berjaya dikutip meningkat seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12**Prestasi Pembayaran Yuran Pelajar Berdaftar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Jumlah Pelajar Berdaftar (Orang)	Jumlah Yuran Sepatuutnya Dikutip (RM Juta)	Jumlah Kutipan Yuran Sebenar		Jumlah Tunggakan Yuran (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
2013	464	3.63	2.69	74.1	
2014	571	6.60	5.46	82.7	
2015	633	4.98	4.54	91.2	0.44
Jumlah	1,668	15.21	12.69	83.4	2.52

Sumber: KAYNS

- b. Analisis Audit terhadap Laporan Tunggakan Yuran mendapati jumlah tunggakan yuran pelajar secara keseluruhan sehingga akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM5.10 juta. Tunggakan ini melibatkan sejumlah RM436,212 berusia kurang setahun, RM2.46 juta berusia antara 1 hingga 3 tahun, RM1.99 juta berusia antara 4 hingga 5 tahun dan RM221,393 berusia lebih 6 tahun seperti di **Jadual 4.13**. Keadaan ini memberi impak kepada pengurangan dana yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan pembelajaran kepada pelajar.

Jadual 4.13**Usia Tunggakan Yuran Pelajar Pada 31 Disember 2015**

Kurang 1 Tahun (RM)	1 Hingga 3 Tahun (RM)	4 Hingga 5 Tahun (RM)	6 Tahun Dan Lebih (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
436,212	2,455,929	1,987,815	221,393	5,101,349

Sumber: KAYNS

- c. Semakan Audit mendapati tunggakan ini berlaku disebabkan tiada perjanjian dimeterai antara pelajar dan KAYNS. Perihal pembayaran yuran dan kaedah pembayaran sama ada secara ansuran atau sebaliknya hanya dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pengajian kepada pelajar. Selain itu, KAYNS terpaksa mendahulukan elaun makan pelajar sementara menunggu pihak penaja menyalurkan elaun sara diri kepada pelajar.
- d. Pihak Audit dimaklumkan tunggakan yuran tahun 2012 dan tahun sebelumnya adalah yuran pengajian dan elaun sara diri. Bermula tahun 2013, semua yuran pengajian pelajar yang mendapat tajaan telah dibankkan ke akaun KAYNS dan hanya elaun sara diri yang dibankkan ke akaun pelajar. Justeru, elaun sara diri ini perlu diserahkan ke Bahagian Kewangan KAYNS kerana setiap pelajar telah disediakan makanan. KAYNS ada mengambil tindakan mengemukakan surat peringatan dan sijil pelajar akan ditahan sekiranya yuran masih belum dijelaskan.
- e. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, KAYNS telah memulakan surat perjanjian yang dimeterai antara pelajar dan KAYNS yang mengikat pelajar untuk membayar yuran bermula pengambilan pelajar baru untuk**

kemasukan bulan April 2016. KAYNS juga akan mengambil langkah-langkah yang lebih sistematik untuk memastikan pelajar membayar semula tunggakan. KAYNS telah menubuhkan Jawatankuasa Recovery Tunggakan yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif KAYNS dan dianggotai oleh Pengurus Jabatan Kewangan, Pengurus Dana Dan Pinjaman, Pengurus Institut, Pengurus Hal Ehwal Pelajar serta Ketua Jabatan Kemahiran.

4.4.2.6. Tunggakan Bayaran Sewa

- a. KAYNS telah menyewa beberapa lot premis perniagaan/apartment milik YNS, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, SPNB Aspirasi Sdn. Bhd. (SPNB), SG Oil (Malaysia) Sdn. Bhd. dan orang perseorangan untuk kegunaan pusat kuliah, penginapan pelajar dan pejabat pentadbiran. Semakan Audit terhadap perjanjian yang telah ditandatangani antara KAYNS, YNS, MAINS dan SPNB mendapati, bayaran sewa perlu dijelaskan sebelum atau pada 5 dan 14 haribulan bagi setiap bulan. Bagaimanapun, didapati terma perjanjian tersebut gagal dipatuhi dan berlaku tunggakan sewa sejumlah RM2.04 juta sehingga akhir tahun 2015 seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Tunggakan Bayaran Sewa KAYNS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Pemilik Premis	Jumlah Tunggakan (RM)			Perubahan (%)	
		2013	2014	2015	2013 - 2014	2014 - 2015
1	SPNB	22,650	18,000	114,000	20.5	533.3
2	MAINS	67,500	58,500	92,970	13.3	58.9
3	YNS	1,386,000	1,603,000	1,832,000	15.7	14.3
Jumlah		1,476,150	1,679,500	2,038,970	13.8	21.4

Sumber: KAYNS

- b. Berdasarkan **Jadual 4.14** berlaku peningkatan tunggakan sewa setiap tahun iaitu peningkatan sejumlah RM203,350 (13.8%) kepada RM1.68 juta pada tahun 2014 berbanding RM1.48 juta pada tahun 2013. Tunggakan ini terus meningkat sejumlah RM359,470 (21.4%) kepada RM2.04 juta pada tahun 2015.
- c. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016**, pihak KAYNS akan menyediakan jadual pembayaran kepada pihak berkenaan untuk membayar dan mengurangkan tunggakan sewa bermula bulan Julai 2016. Tunggakan ini berlaku kerana kelewatan bayaran balik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program Murid Berkeperluan Khas (MBK), Pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) serta YNS dalam membayar yuran pengajian dan yuran asrama pelajar termasuklah elaun makan pelajar.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti KAYNS adalah memuaskan. Bagaimanapun, KAYNS perlu meningkatkan aktiviti promosi bagi menarik lebih ramai pelajar mengikuti program-program yang ditawarkan. Usaha perlu dipertingkatkan bagi

mengutip tunggakan yuran pelajar supaya tidak menjaskan aktiviti, operasi dan latihan kepada pelajar.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007) yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KAYNS mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan kuasa dan tugas yang diperuntukkan di dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan KAYNS dan Akta Syarikat 1965. Seksyen 122 Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada 2 orang untuk mengurus operasi hariannya. Surat pelantikan antaranya tercatat jenis manfaat ataupun faedah yang layak diterima, hendaklah dikeluarkan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Semakan Audit mendapati sehingga 18 Januari 2016, KAYNS diterajui oleh 6 orang Ahli Lembaga Pengarah dengan terbitan saham sejumlah RM3.55 juta.

4.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Seksyen 143, Akta Syarikat 1965 menetapkan Ahli Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat setiap tahun. Memorandum dan Artikel penubuhan Syarikat KAYNS pula menetapkan kekerapan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak 3 kali setahun. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2013, 2 kali pada tahun 2014 dan 3 kali pada tahun 2015. Antara perkara yang dibincangkan adalah perlantikan Lembaga Pengarah, prestasi aktiviti syarikat, laporan kewangan, pembayaran bonus, kenaikan gaji dan pengurusan dana. Bagaimanapun tiada Mesyuarat Agung Tahunan diadakan bagi tahun 2013 hingga 2015.

4.4.3.3. Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan dengan keahlian daripada pengarah bukan eksekutif. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit adalah menilai penemuan hasil pemeriksaan dalaman dan maulum balas oleh pihak pengurusan, menilai pelantikan juruaudit luar dan bayaran audit, berbincang dengan juruaudit luar sebelum pengauditan bermula, serta membuat penilaian terhadap penyata kewangan yang disediakan secara suku tahun dan tahunan. Semakan Audit mendapat KAYNS masih belum menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksa. Bagaimanapun Penyata Kewangan KAYNS telah diaudit oleh firma audit swasta bertauliah iaitu Mustapha, Khoo & Co. seperti yang dikehendaki Akta Syarikat 1965.

4.4.3.4. Rancangan Korporat

- a. Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat perlu disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya untuk membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Rancangan korporat juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik antara kakitangan dengan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapat KAYNS belum memuktamadkan rancangan korporat untuk jangka pendek, jangka panjang dan strategi pelaksanaan operasinya. Bagaimanapun sasaran dan strategi pemasaran syarikat ada dibincangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KAYNS.
- b. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, Rancangan Korporat jangka pendek KAYNS akan dikemukakan untuk kelulusan Ahli Lembaga Pengarah KAYNS pada bulan Julai 2016 bagi merangka strategi pelaksanaan untuk membentuk objektif dan matlamat yang realistik dan membantu KAYNS dari segi penggunaan sumber yang lebih efektif.**

4.4.3.5. Standard Operating Procedures

- a. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan suatu arahan/peraturan bertulis yang disediakan oleh sesebuah organisasi bertujuan untuk memastikan semua aktiviti/proses/prosedur kerja yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapat KAYNS ada menyediakan SOP bagi setiap Jabatan/Unit, Tatacara Laporan Kewangan, Peraturan Perkhidmatan Untuk Kakitangan KAYNS serta Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan yang mula diguna pakai sejak 18 November 2008. Bagaimanapun, tiada bukti

dokumentasi SOP tersebut telah dikemaskini dan tarikh mendapat persetujuan Ahli Lembaga Pengarah dicatatkan.

- b. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, KAYNS akan membuat pengemaskinian SOP, Tatacara Pentadbiran Dan Kewangan serta Peraturan Perkhidmatan untuk kelulusan Ahli Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YNS.**

4.4.3.6. Key Performance Indicator (KPI)

- a. Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapati KAYNS tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi setiap Jabatan di bawahnya.
- b. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, pihak pengurusan KAYNS akan menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Kakitangan dan Jabatan akan diukur melalui Prestasi Tahunan Kakitangan Dan Pengurusan KPI melalui surat prestasi kepada Pengurus Institut.**

4.4.3.7. Pembayaran Dividen

- a. Mengikut amalan terbaik, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bersih setiap tahun perlu dibuat kepada pemegang saham. Cadangan bayaran dividen hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberikan sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar. Semakan Audit mendapati KAYNS tidak membuat pembayaran dividen kepada pemegang sahamnya bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 walaupun berlaku peningkatan keuntungan setiap tahun.
- b. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, pengurusan KAYNS akan mengemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KAYNS di masa akan datang untuk rujukan pihak pengurusan pada tahun-tahun berikutnya.**

4.4.3.8. Corporate Integrity Pledge

- a. *Corporate Integrity Pledge* merupakan inisiatif di bawah NKRA Anti-Rasuah sebagai langkah pencegahan rasuah. *Corporate Integrity Pledge* merupakan sijil ikrar yang ditandatangani oleh pihak syarikat untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti rasuah. Tinjauan Audit di laman web *Corporate Integrity System Malaysia* pada 9 Mac 2016

mendapati KAYNS masih belum menyediakan rancangan bagi menyertai *Corporate Integrity Pledge* (CIP) termasuklah YNS selaku pemegang saham KAYNS.

- b. **Mengikut maklum balas KAYNS bertarikh 10 Mei 2016, pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah KAYNS tidak ada masalah untuk menandatangani CIP. Bagaimanapun, perkara ini akan dibawa kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YNS kerana YNS juga belum lagi menandatangani CIP.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat KAYNS adalah memuaskan. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan sekali setiap tahun. Selain itu, KAYNS perlu menyediakan Rancangan Strategik dan KPI bagi memastikan kesinambungan perniagaan dan pengeluaran prestasinya.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, adalah disyorkan syarikat Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS) mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.5.1.** Menyediakan perjanjian yang akan dimeterai antara pelajar dan KAYNS bagi mengikat pelajar agar komited untuk membayar yuran. Usaha perlu digiatkan bagi meningkatkan hasil supaya matlamat penubuhan KAYNS dapat dicapai.
- 4.5.2.** Mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan tadbir urus korporat dengan memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

26 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA